

Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon

Buku Panduan untuk Pembuat Dasar



Penyampai Kata daripada Setiausaha Raimondo

Perubahan iklim merupakan cabaran global yang sangat besar. Amerika Syarikat telah bangkit untuk menghadapi cabaran ini. Dalam Perintah Eksekutif 14008, pihak Pentadbiran menyedari bahawa sekarang adalah masanya untuk bertindak bagi mengelakkan kesan krisis iklim yang terburuk selain merebut peluang yang ada dalam menangani perubahan iklim. Jabatan Perdagangan A.S. menjadi sebahagian daripada usaha seluruh kerajaan ini untuk menangani cabaran iklim dan memastikan peralihan yang adil dan pantas ke arah masa depan karbon yang lebih rendah, mampu dan makmur.

Sebagai tambahan kepada usaha pengurangan secara menyeluruh, pihak Pentadbiran telah menyatakan bahawa usaha untuk memenuhi cita-cita iklim global memerlukan penggerahan teknologi penangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) dan penyingkiran karbon dioksida (CDR) secara bertanggungjawab. CCUS memainkan peranan penting dalam sektor perindustrian di mana pelepasan menjadi satu cabaran yang perlu ditangani. CDR pula boleh membantu dengan mengeluarkan karbon dioksida daripada udara ambien. A.S. dan rakan kongsinya sedang giat berusaha membantu negara-negara menerima dasar CCUS, menggerakkan pembiayaan iklim, melaksanakan teknologi dan amalan CCUS serta memperbaharui undang-undang dan peraturan untuk menarik pelaburan CCUS yang bertanggungjawab.

Di Jabatan Perdagangan A.S., Program Pembangunan Undang-undang Komersial (Commercial Law Development Program, CLDP) Pejabat Peguam Negara telah membantu negara mengemas kini undang-undang dan peraturan komersial masing-masing sejak lebih 30 tahun. Kini dengan pembiayaan dan sokongan daripada Biro Sumber Tenaga (ENR) Jabatan Negara A.S., CLDP telah menganjurkan panduan percuma yang boleh diakses serta sesuai untuk tujuan bagi para pembuat dasar dan pengawal selia tentang cara memangkinkan pelaburan bagi menangkap pelepasan karbon dioksida untuk digunakan atau disimpan secara kekal.

Dalam membangunkan buku panduan ini, CLDP telah menghimpunkan sekumpulan pakar CCUS daripada Kerajaan A.S., institusi pelbagai hala, pertubuhan bukan kerajaan, industri dan ahli akademik. Para pengarang ini dan ramai lagi penyokong buku panduan ini secara kolektif mengorbangkan masa mereka yang bernilai secara sukarela. Hasilnya ialah panduan yang boleh digunakan oleh penggubal undang-undang, pegawai kementerian dan pengawal selia di seluruh dunia untuk merangka, menerima pakai dan menguatkuaskan undang-undang baharu yang akan mempercepatkan pengerahan CCUS.

Buku panduan ini juga meluaskan skop sebuah siri buku panduan yang dibangunkan oleh CLDP. Siri ini turut dimulakan dengan panduan Memahami Kuasa yang ditaja oleh Power Africa: sebuah perpustakaan pengetahuan sumber terbuka dan dalam bahasa yang mudah bagi buku panduan yang menerangkan tentang pelbagai topik penting berkaitan kontrak, pembiayaan dan pemerolehan projek kuasa. Dengan kerjasama ENR, siri ini diteruskan dengan panduan penyahkarbonan baharu. Panduan penyahkarbonan yang pertama adalah tentang pengurangan gas metana daripada minyak dan gas. Buku panduan ini meneruskan lagi objektif perdagangan iklim dan teknologi bersih Jabatan Perdagangan dan Negara A.S. di samping menyokong matlamat iklim global.

Saya berterima kasih kepada CLDP dan para pengarang, penaja dan penyokong yang membangunkan sumbangan penting ini untuk usaha kolektif kita dalam merebut peluang ini. Kita boleh menangani krisis iklim, membangunkan penyelesaian yang kreatif dan mengatasi cabaran ini bersama-sama.



Gina M. Raimondo

Setiausaha Perdagangan A.S.

K A N D U N G A N

PANDUAN UNTUK BUKU INI

7

RINGKASAN EKSEKUTIF

14

1. KENAPA KARBON?

19

CO ₂ dan Sumbangannya kepada Perubahan Iklim	20
Pendekatan Mitigasi Perubahan Iklim	23
Apakah CCUS?	24

2. APAKAH PENANGKAPAN, PENGANGKUTAN, PENGUNAAN DAN PENYIMPANAN KARBON?

27

Pengenalan	28
Penangkapan	30
Pengangkutan	34
Penyimpanan	36
Penggunaan	39
Pertimbangan Saling Bersilang	42

3. LIBAT URUS PROJEK CCUS

44

Pengenalan	45
Peserta Utama	51
Proses Libat Urus: Tumpuan Komuniti	57

4. MEMBINA KAPASITI **64**

Pengenalan	65
Keperluan Tenaga Kerja CCUS	66
Membangunkan Tenaga Kerja CCUS	68
Penyelidikan, Pembangunan dan Pengerahan	74

5. PELAN HALA TUJU UNTUK MEMBANGUNKAN RANGKA KERJA PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA **84**

Pengenalan	85
Pelan Hala Tuju untuk Membangunkan Rangka Kerja	86

6. SUMBER DAN TANGGUNGJAWAB UNTUK RANGKA KERJA **93**

Pengenalan	94
Piawaian Antarabangsa	95
Rangka Kerja Penggerak Awal	98
Konvensyen Antarabangsa	101

7. RANGKA KERJA KHUSUS PROJEK **108**

Pengenalan	109
Amalan Terbaik untuk Rangka Kerja Khusus Projek	116

8. KEWANGAN DAN INSENTIF	120
Pengenalan	121
Ekonomi Projek CCUS	124
Kebolehpasaran dan Pengurangan Risiko Kewangan CCUS	125
Pinjaman dan Jaminan Kewangan	136
Pasaran untuk Produk Rendah Karbon	136
Akibat Yang Tidak Diingini	137
Pemacu Luaran	137
9. SUMBER TAMBAHAN	141
AKRONIM	148
GLOSARI	153
NOTA	160
KOLOFON	172

Panduan untuk Buku Ini

Buku Ini Untuk Siapa?

Komuniti antarabangsa komited untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO_2) dengan pantas daripada sektor petroleum, kuasa, pembuatan dan sektor pelepasan intensif yang lain bagi memenuhi objektif perubahan iklim dan meningkatkan keselamatan ekonomi dan tenaga. Walau bagaimanapun, masih banyak negara yang berusaha untuk memahami cara mencapai objektif ini, terutamanya melalui penggunaan dan pengerahan Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS). Buku panduan ini memperkenalkan pegawai kerajaan kepada pelbagai pilihan CCUS dan membimbing reka bentuk dan pelaksanaan rangka kerja perundangan dan kawal selia yang akan memangkin pelaburan swasta yang mampan bagi projek CCUS, membina pengajaran yang dipelajari daripada skim-skim pengawalseliaan di pelbagai negara. Pembuat dasar dan pengawal selia daripada ekonomi sedang pesat membangun, termasuk yang berada di Asia¹, yang mempertimbangkan atau secara aktif mengejar mana-mana bahagian rantai nilai CCUS boleh mendapat manfaat daripada buku panduan ini.

Apakah Skop Buku Ini?

Buku panduan ini menyediakan maklumat untuk menyokong penggubal dasar dalam membangunkan dan melaksanakan dasar dan peraturan CCUS yang berkesan. Ia menerangkan teknologi, dasar dan rangka kerja perundangan/kawal selia serta penglibatan merentas rantai nilai CCUS. Buku panduan ini mengetengahkan beberapa teknologi CCUS yang tertentu secara mendalam dan memfokuskan pada perkara penting tentang topik-topik lain. Buku panduan ini bukanlah bertujuan menyokong dasar CCUS tertentu tetapi untuk memberi gambaran keseluruhan tentang pilihan yang ada.

Siapakah Pengarang Buku Ini?

Para pengarang buku panduan ini terdiri daripada para pengamal sektor tenaga yang pelbagai. Mereka terdiri daripada pegawai kerajaan, jurutera, pakar dasar awam, peguam dan ahli akademik. Tujuan buku panduan ini adalah untuk merakamkan secara kolektif pengalaman praktikal dan pengetahuan semasa para pengarang. Walau bagaimanapun, ia tidak mewakili kedudukan dasar organisasi, institusi, negara dan/atau syarikat yang mana pengarang individu tersebut berada atau telah bergabung. Untuk pandangan sedemikian, sila rujuk kepada penerbitan dan laman web organisasi, institusi, negara dan/atau syarikat masing-masing.

Menangani krisis iklim adalah isu kritikal bagi kebanyakan negara. Ramai pakar dan organisasi menunjukkan bahawa proses utama dalam mengurangkan pelepasan CO₂ dan kesan gas rumah hijau yang berkaitan adalah melalui pelaksanaan CCUS. Para pengarang berharap buku panduan ini dapat meningkatkan kemajuan dan pelaksanaan dasar dan peraturan CCUS serta menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas karbon dioksida global daripada sektor yang sukar untuk dikurangkan.

Bagaimanakah Buku Ini Dibangunkan?

Buku panduan itu diterbitkan menggunakan kaedah Book Prints (www.booksprints.net) yang membolehkan draf, penyuntingan dan penerbitan buku yang lengkap dalam masa lima hari sahaja.

Para pengarang mengucapkan terima kasih kepada fasilitator Book Sprint, Barbara Rühling dan Anna Roxas, atas kesabaran mereka membimbing dan menerajui penerbitan buku ini sepanjang proses mendraf hampir 75 jam. Para pengarang juga berterima kasih kepada Henrik van Leeuwen dan Lennart Wolfert kerana mengubah cakaran tergesa-gesa kami menjadi ilustrasi yang cantik dan bermakna dan kepada Agathe Baëz yang mereka

bentuk buku ini. Kami juga ingin mengiktiraf usaha gigih oleh penyunting naskhah Book Sprints, Raewyn Whyte dan Christine Davis.

Pengarang ingin mengiktiraf para individu dan institusi berikut yang membantu memfokuskan dialog untuk membina konsensus tentang potensi buku panduan ini: Biro Sumber Tenaga, Jabatan Negara A.S.; dan Stephen Gardner dan Kenyon Waever (Program Pembangunan Undang-undang Komersial, Jabatan Perdagangan A.S.). Pengarang juga mengucapkan terima kasih kepada mereka yang memberikan sokongan sepanjang proses mendraf buku panduan. Ini termasuk Ian Havecroft dari Global CCS Institute; Tim Dixon dari IEAGHG; Savita Bowman dari ClearPath; Dr Sallie Greenberg; Dr Sean Brennan dari Tinjauan Geologi A.S.; Alec Mullee dan William Bates dari Agensi Perlindungan Alam Sekitar A.S.; Toby Lockwood dari Pasukan Petugas Udara Bersih; Dr Udayan Singh; Isabella Corpora daripada Carbon Business Council; Dr. Owain Tucker dari Shell International Petroleum Company Ltd.; Dr. Susan Hovorka dari Biro Geologi Ekonomi di Universiti Texas di Austin; KLIMIT; Macey Mayes; Tara Wildlife (lokasi Book Sprint); dan keluarga kami. Di samping itu, perancangan dan pembangunan yang teliti telah diusahakan untuk membentuk konsep buku panduan ini. Pengarang juga mengucapkan terima kasih atas penajaan daripada Program Tadbir Urus Tenaga dan Galian (EMGP), Biro Sumber Tenaga, Jabatan Negara A.S., yang membayai sepenuhnya buku ini.

Bagaimakah Cara Menggunakan Buku Ini?

Dalam tradisi perkongsian pengetahuan sumber terbuka, buku panduan ini bertujuan untuk mencerminkan ciri bersemangat proses Book Sprints dan berfungsi sebagai rujukan dan titik permulaan untuk perbincangan dan kesarjanaan selanjutnya. Buku ini diterbitkan di bawah Lesen Antarabangsa Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 (CC BY

NO SA). Dalam memilih lesen penerbitan ini, sesiapa sahaja dialu-alukan untuk menyalin, memetik, mengolah semula, menterjemah dan menggunakan semula teks untuk sebarang tujuan bukan komersial tanpa meminta kebenaran daripada pengarang, selagi karya yang dihasilkan juga diterbitkan di bawah Lesen Creative Commons. Buku panduan ini diterbitkan pada asalnya dalam bahasa Inggeris. Terjemahan mungkin akan menyusul tidak lama lagi. Ia terdapat dalam format elektronik di <https://cldp.doc.gov/resources> dan dalam format cetakan. Buku panduan ini juga boleh digunakan sebagai sumber interaktif dalam talian. Kebanyakan pengarang yang menyumbang juga komited untuk bekerja dalam institusi masing-masing bagi mengguna pakai sumber ini sebagai asas kepada kursus latihan dan inisiatif bantuan teknikal.

Yang benar,
Pengarang Penyumbang



Para pengarang semasa acara Book Sprint mereka.
Dari kiri ke kanan: Priya, Atsumasa, Vikram, Pamela, Ingvild, George,
Richard dan José

Vikram Vishal, Ph.D.
*Pusat Kecemerlangan Nasional
untuk CCU*
*Institut Teknologi India,
Bombay*
*UrjanovaC Private Limited
(India)*

Atsumasa Sakai
*Bank Pembangunan Asia
(Filipina)*

Priya Prasad
*Program Pembangunan
Undang-undang Komersial
Jabatan Perdagangan A.S.
(Amerika Syarikat)*

José Benítez Torres
*Pejabat Pengurusan Tenaga Fosil dan
Karbon*
*Jabatan Tenaga A.S.
(Amerika Syarikat)*

Ingvild Ombudstvedt
*IOM Law
(Norway)*

Richard Esposito, Ph.D.
Southern Company
*Pusat Tangkapan Karbon Nasional
A.S.
(Amerika Syarikat)*

George Koperna
*Advanced Resources
International, Inc.
(Amerika Syarikat)*

Pamela Tomski
ENTECH Strategies, LLC
*Pengalaman Penyelidikan dalam
Pengasingan Karbon (RECS)
(Amerika Syarikat)*

Ringkasan Eksekutif

Menangkap pelepasan karbon dioksida (CO_2) menjadi alat penting dalam mengawal perubahan iklim. Negara-negara kini sedang berusaha untuk meningkatkan pelaburan dalam CCUS: Carbon Capture, Use, and Storage (Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon). CCUS telah berjaya ditunjukkan pada skala komersial. Kini cabarannya adalah untuk memungkin pelaburan yang mencukupi ke dalam CCUS, khususnya bagi industri di mana pelepasan sukar dikurangkan. Ekonomi sedang pesat membangun terutamanya telah bersedia untuk mengambil kesempatan daripada pelaburan CCUS dengan manfaat daripada kos perbandingan yang lebih rendah dan pelaburan merentas sempadan.

Buku Panduan ini menjadi panduan untuk pembuat dasar tentang cara mengguna pakai dasar, undang-undang dan peraturan tersebut yang akan berjaya menarik pelaburan swasta yang bertanggungjawab ke dalam projek CCUS. Kami mentakrifkan dasar, undang-undang dan peraturan negara yang mengawal pelaburan ke dalam projek sebagai satu “rangka kerja”. Karbon dioksida telah disimpan secara komersial selama hampir 30 tahun. Banyak negara sudah mempunyai dasar, undang-undang dan peraturan yang telah sedia ada dan diuji oleh masa yang mentadbir minyak dan gas. Negara-negara ini selalunya akan melihat kepada sektor minyak dan gas mereka sebagai sumber panduan tentang dasar, undang-undang dan peraturan yang mengawal CCUS. Tetapi CCUS mempunyai pertimbangannya sendiri berhubung dengan penciptaan nilai, teknologi, libat urus komuniti, pembinaan kapasiti, risiko serta penalti dan insentif kewangan. Hal ini membawa cabaran bagi pembuat dasar yang bertanggungjawab untuk mewujudkan rangka kerja pelaburan bagi CCUS dan boleh memperlahankan pelaburan yang diperlukan. Syarikat yang bersedia untuk membelanjakan modal yang besar untuk projek CCUS akan melihat dasar, undang-undang dan peraturan negara – rangka kerja CCUS domestik mereka – dan akan memilih untuk melabur di negara yang

mempunyai rangka kerja CCUS yang boleh dipercayai berbanding yang sebaliknya.

CCUS pada dasar adalah satu set komponen saling berkaitan yang berbeza: penangkapan, pengangkutan, penggunaan, penyimpanan. Setiap komponen memerlukan infrastruktur dan juga pertimbangan tadbir urusnya yang tersendiri. Komponen tangkapan karbon termasuk peralatan tangkapan di kemudahan perindustrian, loji kuasa dan kemudahan penyingkiran. Selepas tangkapan, CO₂ biasanya perlu dialihkan ke tempat ia akan digunakan atau disimpan. CO₂ boleh dibawa melalui saluran paip, rel, kapal/tongkang dan trak ke kemudahan penyimpanan dan/atau penggunaan. Penggunaan bermaksud menggunakan CO₂ yang ditangkap yang menghasilkan pengurangan bersih pelepasan CO₂. Kemudahan akan menyimpan CO₂ yang ditangkap secara kekal dalam formasi geologi. Bab 2 memberikan penjelasan terperinci tentang CCUS.

Agar pembuat dasar bersedia untuk mencipta rangka kerja CCUS, panduan ini mengesyorkan agar mereka menyediakan proses untuk penglibatan pihak berkepentingan dan membina kapasiti terlebih dahulu. Ini adalah subjek-subjek dalam Bab 3 dan 4. Agar rangka kerja CCUS tahan lama – dan untuk projek CCUS individu dibina tepat pada masanya dan mengikut bajet – pembuat dasar perlu menyediakan libat urus pihak berkepentingan yang “dimasukkan” dalam proses pembangunan rangka kerja. Seperti yang dijelaskan dalam Bab 3, salah satu risiko paling ketara bagi projek CCUS yang baharu ialah kekurangan penyelarasan dalam kalangan peserta utama CCUS: para pembuat dasar, pengawal selia, pemaju projek dan masyarakat awam/tempatan. Risiko lain ialah kekurangan kapasiti dalam kalangan peserta utama CCUS. Bab 4 memperincikan cara pembuat dasar boleh meletakkan kapasiti bagi setiap peserta utama ini: kapasiti pembuat dasar untuk menerima pakai rangka kerja CCUS yang tahan lama, kapasiti pengawal selia untuk melaksanakan peraturan CCUS, kapasiti pemaju projek untuk membina projek CCUS

yang mematuhi peraturan tersebut, dan kapasiti tenaga kerja tempatan di negara tersebut bagi memenuhi keperluan projek CCUS.

Dengan penglibatan pihak berkepentingan dan proses pembinaan kapasiti, kerajaan bersedia untuk menerima pakai rangka kerja CCUS. Bab 5 menetapkan proses enam langkah untuk menyediakan rangka kerja CCUS yang akan memenuhi jangkaan sektor swasta dan awam serta memangkinkan pelaburan bagi infrastruktur penangkapan, pengangkutan, penggunaan dan penyimpanan yang baharu. Langkah pertama bermula dengan menerima pakai dasar (atau strategi) yang dinyatakan dengan jelas yang mengisyiharkan kepentingan negara dalam pelaburan CCUS yang bertanggungjawab dan bagaimana ia akan bergerak untuk menerima pakai rangka kerja untuk pelaburan. Langkah ini menetapkan peringkat untuk pembuat dasar menentukan di mana undang-undang dan peraturan perlu diterima pakai atau dipinda untuk menarik pemaju dan pembiayaan untuk projek CCUS baharu.

Dalam menerima pakai dan meminda undang-undang dan peraturan ini, pembuat dasar tidak bersendirian. Bab 6 menerangkan cara para pembuat dasar boleh bermula dengan terlebih dahulu memahami kewajipan mereka di bawah undang-undang antarabangsa, dan badan piawaian antarabangsa yang sedia ada untuk CCUS. Terdapat beberapa konvensyen antarabangsa sedia ada yang mewajibkan negara tentang cara mereka perlu mentadbir pelaburan CCUS di dalam negara dan merentasi sempadan. Di samping itu, Pertubuhan Pembiayaan Antarabangsa (ISO) mempunyai piawaian yang berkaitan dengan CCUS dan ini boleh menjadi sumber panduan kawal selia yang berguna untuk rangka kerja CCUS yang memangkinkan pelaburan secara bertanggungjawab.

Pembiayaan diperlukan untuk benar-benar meningkatkan pelaburan CCUS bagi menghadapi cabaran iklim. Oleh itu adalah penting bagi pembuat dasar memahami ekonomi projek CCUS,

dan bagaimana kerajaan harus menyusun kedudukan untuk menarik pinjaman yang bertanggungjawab. Bab 7 menerangkan cara projek CCUS dijadikan “menguntungkan”: dipastikan berbaloi dengan risiko bagi pinjaman yang disediakan oleh institusi kewangan. Negara-negara perlu membangunkan rangka kerja undang-undang dan kawal selia CCUS untuk pengerahan teknologi CCUS yang selamat dan terjamin. Rangka kerja CCUS akan menentukan sama ada projek CCUS boleh berjaya, kerana dasar, undang-undang dan peraturan domestik negara yang akan menentukan risiko undang-undang kepada pemaju dan pemberi pinjaman projek.

CCUS kini semakin menjadi destinasi untuk jumlah pelaburan yang besar. Institusi, persatuan dan sumber baharu sedang muncul untuk pembuat dasar dan peserta utama lain, untuk membantu CCUS mencapai potensi yang sepenuhnya. Panduan ini diakhiri dengan satu set sumber tambahan untuk pembuat dasar dan peringatan bahawa masih banyak perkara yang perlu dilakukan.

1. Kenapa Karbon?


Ringkasan Penting

- Penangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) dijangka memainkan peranan penting dalam menguruskan perubahan iklim.
- Meluaskan CCUS juga mempunyai manfaat pertumbuhan ekonomi yang penting: CCUS berpotensi mencipta pekerjaan, memangkin inovasi, memacu perdagangan, mengewangkan pembuatan produk rendah karbon dan mengekalkan industri sedia ada dengan penyahkarbonan.
- Syarikat bersedia untuk melabur kerana CCUS sejak beberapa dekad telah menunjukkan kejayaan komersial. Projek CCUS komersial terawal yang tidak termasuk perolehan minyak tertingkat adalah pada tahun 1996, dan sejak itu projek CCUS telah berkembang dengan pesat. Sebagai contoh, di China sahaja, tiga projek telah mula beroperasi pada tahun 2023.
- Oleh itu, bagi kebanyakan negara, cabarannya adalah untuk meletakkan dasar, undang-undang dan peraturan yang akan mengundang pelaburan yang bertanggungjawab ke dalam CCUS.

CO₂ dan Sumbangannya kepada Perubahan Iklim

Karbon dioksida (CO₂) ialah gas rumah hijau (GHG) dan menyumbang utama kepada perubahan iklim. CO₂ adalah sebahagian daripada kitaran karbon semula jadi. Aktiviti manusia, termasuk peningkatan penggunaan bahan api fosil, menyumbang kepada isipadu CO₂ yang belum pernah dicapai sebelum ini di atmosfera (ditunjukkan di bawah dalam Rajah 1.1), yang tidak dapat diserap oleh kitaran karbon semula jadi. Oleh kerana CO₂ bertindak sebagai mekanisme penangkap haba yang menyebabkan pemanasan global, CO₂ tambahan bertindak untuk meningkatkan suhu global. Akibatnya, pengurangan

dan penyingkirkan pelepasan CO₂ yang ketara diperlukan untuk meminimumkan peningkatan suhu global dan memenuhi matlamat iklim untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C.¹



Rajah 1.1: Sumber karbon dioksida di atmosfera.

Permintaan Tenaga Global dan Pemacu bagi Mitigasi Iklim

Dalam dekad yang akan datang, perkembangan dalam ekonomi sedang pesat membangun akan meningkatkan penggunaan tenaga per kapita secara mendadak. Sebagai contoh, pada tahun 2022, negara-negara di Asia melepaskan lebih daripada ~58 peratus CO₂ dunia.² Apabila negara-negara di rantau ini semakin maju, pelepasan CO₂ juga mungkin meningkat.

Menangani perubahan iklim memerlukan peralihan besar dalam sektor penggunaan tenaga, termasuk mitigasi iklim, yang melibatkan pengurangan aliran gas rumah hijau yang memerangkap haba (termasuk CO₂) ke atmosfera. Terdapat beberapa pemacu untuk mitigasi perubahan iklim. Matlamat secara keseluruhan ialah keperluan untuk mengurangkan

atau menghapuskan kesan iklim serantau (cth., suhu tinggi/rendah yang mencatatkan rekod dan corak cuaca). Lain-lain termasuklah:

- Dasar antarabangsa dan domestik untuk mencapai pelepasan sifar bersih mengikut matlamat iklim Perjanjian Paris.³
- Mekanisme Pelarasan Sempadan Karbon Kesatuan Eropah mengenakan tarif CO₂ ke atas import sesetengah barang dari negara di luar skim harga karbon.⁴
- Skim insentif yang ada, seperti pasaran karbon dan kredit cukai yang dimanfaatkan.
- Desakan orang ramai terhadap ketelusan dan akauntabiliti untuk pengurangan dan pelaporan pelepasan.

Ekonomi sedang pesat membangun, termasuk beberapa buah negara di Asia, telah mengambil langkah untuk menangani perubahan iklim. Kajian kes di bawah menyerahkan langkah yang diambil di India.



Agenda Panchamrit India Tentang Mitigasi Iklim⁵

India, yang meratifikasi Perjanjian Paris pada tahun 2016, telah mengumumkan Agenda Lima Perkara, Panchamrit, untuk menangani perubahan iklim. Mengurangkan pelepasan CO₂ adalah bahagian penting dalam agenda ini. Pelan yang diumumkan semasa sidang kemuncak iklim COP26 pada tahun 2021 melibatkan langkah negara India untuk:

- Mencapai kapasiti tenaga bukan fosil sebanyak 500 Gigawatt menjelang tahun 2030

- Memenuhi 50 peratus keperluan tenaganya melalui tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2030
- Mengurangkan jumlah unjuran pelepasan karbon sebanyak satu bilion tan menjelang tahun 2030
- Mengurangkan keamatan karbon dalam ekonomi sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030 berbanding tahap 2005
- Mencapai pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2070


Pendekatan Mitigasi Perubahan Iklim

Tiada pendekatan mitigasi tunggal yang dapat menangani cabaran iklim. Setiap pendekatan mempunyai kekuatan dan had yang berkaitan dengan kos, kebolehpercayaan, kebolehcapaian, skala dan prestasi alam sekitar. Ramai pakar bersetuju bahawa portfolio pilihan mitigasi yang berbeza menawarkan laluan paling murah dan paling mampan dari segi ekonomi untuk mencapai matlamat mitigasi iklim.⁶

Walaupun pendekatan mitigasi setiap negara akan berbeza, namun portfolio penyelesaian tetap diperlukan. Antara penyelesaian yang ada termasuk pengurangan pelepasan bahan api fosil, peningkatan kecekapan tenaga, meluaskan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui, dan membangunkan dan menggunakan bahan api alternatif – seperti hidrogen. Selain daripada strategi mitigasi ini, kita ada penangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS).

Apakah CCUS?

Seperti yang digambarkan di bawah (Rajah 1.2), CCUS boleh termasuk (1) menangkap CO₂ dari titik sumber atau secara terus dari atmosfera, (2) mengangkut CO₂ yang ditangkap sama ada untuk (3a) penyimpanan geologi atau (3b) penggunaan. CCUS boleh menyumbang kepada pengurangan pelepasan CO₂ yang ketara sambil mengurangkan kos mitigasi keseluruhan. Rantaian nilai CCUS adalah unik kerana teknologi itu sendiri tidak semestinya baharu, tetapi gabungan teknologi sedia ada dikaitkan bersama dengan cara yang unik untuk memenuhi objektif pengurangan pelepasan.



Rajah 1.2: Gambar rajah aliran penangkapan, pengangkutan, penggunaan dan penyimpanan karbon.

Pengerahan CCUS diperlukan dalam dekad ini untuk mengekalkan capaian sasaran Perjanjian Paris iaitu mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C menjelang tahun 2030.⁷ Ia merupakan pilihan mitigasi utama yang boleh mencapai pengurangan pelepasan CO₂ daripada loji kuasa bahan api fosil dan kemudahan perindustrian yang besar sambil membolehkan negara mencapai matlamat iklim di bawah Perjanjian Paris. Walaupun anggaran kos berbeza-beza, namun tiada persoalan bahawa memenuhi matlamat iklim akan melibatkan kos yang lebih tinggi tanpa CCUS (dalam beberapa kes, 138 peratus lebih mahal) berbanding dengan CCUS.⁸ Membangunkan industri CCUS juga berpotensi mencipta pekerjaan, menjadi pemangkin inovasi, memacu perdagangan, mengewangkan pembuatan produk rendah karbon dan mengekalkan industri sedia ada dengan penyahkarbonan.⁹

Teknologi CCUS Bersedia Secara Komersial

Penangkapan dan penyimpanan karbon telah berjaya digunakan sejak tahun 1996,¹⁰ dengan sejarah pengerahan teknologi komponen secara komersil secara besar-besaran termasuk penangkapan dalam pelbagai industri dan perolehan minyak tertingkat. Terdapat momentum dan aktiviti global yang sangat besar yang memberikan keyakinan dalam pelaksanaan CCUS yang berjaya. Sehingga Januari 2024, terdapat lebih 500 projek CCUS di seluruh dunia pada pelbagai peringkat pembangunan dan operasi.¹¹ Walaupun industri minyak dan gas telah menjadi peneraju tradisional dalam pengerahan CCUS, beberapa industri lain turut terlibat dalam aktiviti projek, seperti pengeluar elektrik, simen, baja, keluli dan etanol.

Asia Mempunyai Peluang Besar dalam CCUS

Rantau Asia mempunyai peluang besar untuk pelaksanaan CCUS. Lebih separuh daripada CCUS global menjelang tahun 2050 boleh dilaksanakan di rantau Asia-Pasifik.¹² Rangkaian CCUS pan-Asia

boleh merangkumi kelompok lebih daripada 20 hab penangkapan karbon dan penyimpanan bawah tanah.¹³

Potensi ini lebih daripada sekadar teori. Terdapat beberapa projek dan aktiviti yang memberikan keyakinan terhadap keupayaan rantau ini untuk menggunakan CCUS. Sebagai contoh, di negara China, tiga projek telah mula beroperasi pada tahun 2023 (kemudahan CCUS loji janakuasa arang batu terbesar di Asia, kemudahan penyimpanan CO₂ luar pesisir pertama dan penangkapan karbon di kilang penapisan minyak).¹⁴ Jepun telah mengumumkan tujuh rangkaian CCUS yang akan menangkap CO₂ di Jepun untuk disimpan.¹⁵

Asas Kerjasama Serantau untuk CCUS

Asia telah mewujudkan asas bagi kerjasama CCUS serantau. Kapasiti dan potensi untuk pengerahan CCUS di rantau Asia-Pasifik memacu penyelarasan dan kerjasama di seluruh rantau ini. Beberapa negara telah menjemput jiran mereka untuk melawat kemudahan dan menghadiri dialog teknikal dan dasar bagi berkongsi pengalaman mereka. Selain daripada projek, terdapat juga pertumbuhan dalam pembangunan peraturan dan dasar di rantau ini. Perkembangan ini seterusnya boleh menggalakkan industri antarabangsa untuk menggunakan CCUS di rantau ini.¹⁶

Di luar rantau Asia-Pasifik, gabungan dan konsortium muncul di peringkat global untuk menyatukan pihak berkepentingan bagi memajukan rangka kerja CCUS. Seperti yang akan diterangkan dalam Bab 6: Sumber dan Tanggungjawab untuk Rangka Kerja, salah satu sumber tersebut ialah jawatankuasa Pertubuhan Pembiawaan Antarabangsa (ISO) mengenai CCUS, yang mempunyai hampir 50 buah negara yang bersidang untuk membangunkan piawaian dan laporan teknikal merentas rantaian nilai penuh CCUS. Penyelarasan amat penting apabila mengangkut dan menyimpan CO₂ merentasi sempadan antarabangsa.

2. Apakah Penangkapan, Pengangkutan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon?


Ringkasan Penting

- Karbon dioksida dan gas rumah hijau lain biasanya dilepaskan di tapak di mana ia dihasilkan. CCUS menangkap CO₂ sebelum ia dilepaskan (atau, dalam kes Tangkapan Udara Langsung, dari atmosfera) dan kemudian mengangkat gas ini ke tempat di mana ia boleh digunakan atau disimpan di bawah tanah secara kekal.
- Secara ringkasnya, CCUS ialah satu set komponen saling berkaitan yang berbeza: penangkapan, pengangkutan, penggunaan dan penyimpanan. Setiap satu daripada komponen ini memerlukan pertimbangannya sendiri oleh pembuat dasar dan pengawal selia.
- Sebagai permulaan, pembuat dasar dan pengawal selia perlu memahami pilihan dan teknologi yang sentiasa berubah di sebalik setiap empat komponen ini, seperti pilihan ruang liang untuk penyimpanan CO₂ jangka panjang yang selamat dan terjamin.
- "U" dalam CCUS memang bermaksud Penggunaan (Utilization), namun dianggarkan walaupun CO₂ yang ditangkap akan menemui cara untuk ditukar dan/atau digunakan, tetapi kebanyakan CO₂ perlu disuntik ke bawah tanah untuk disimpan secara kekal.
- Terdapat juga beberapa pertimbangan silang. Sebagai contoh, keperluan teknikal untuk projek CCUS perlu menyepakatkan peruntukan keselamatan di seluruh rantaian nilai.

Pengenalan

CCUS terdiri daripada empat komponen yang saling bergantung, seperti yang ditunjukkan dalam bab sebelumnya, dan dihasilkan semula di bawah pada Rajah 2.1. Ia bermula dengan **penangkapan** (1) CO₂, yang boleh dilakukan di kemudahan industri, loji janakuasa dan kemudahan pelepasan negatif (cth., tangkapan udara langsung atau kemudahan pembakaran biojisim). CO₂ kemudiannya boleh **diangkut** (2) ke lokasi **penggunaan** atau

penyimpanan yang terakhir. Mod yang ada untuk mengangkut (2) CO₂ termasuk saluran paip, rel, kapal dan trak. Di mana sesuai, tapak tangkapan dan penyimpanan atau penggunaan boleh diletakkan bersama untuk meminimumkan keperluan infrastruktur pengangkutan.



Rajah 2.1: Komponen CCUS.

Untuk penyimpanan geologi (3a), matlamatnya ialah penyimpanan jangka panjang yang selamat. Penyimpanan boleh terdiri daripada satu atau lebih jenis tapak penyimpanan geologi. Untuk penggunaan (3b), matlamatnya adalah untuk menggunakan CO₂ secara berfaedah untuk menghasilkan produk, seterusnya mengurangkan jumlah CO₂ yang dilepaskan ke

atmosfera. Kes istimewa ialah penggunaan CO₂ untuk perolehan minyak teringkat (EOR), yang bertindak untuk menghasilkan pengeluaran minyak tambahan.

Penangkapan

 Penangkapan CO₂ boleh dilakukan menggunakan beberapa teknologi komersial. CO₂ boleh ditangkap dari titik sumber atau atmosfera. Pilihan teknologi tangkapan yang digunakan biasanya berdasarkan kriteria pemilihan seperti jenis kemudahan, lokasi geografi dan kos. Pada tahap yang sangat tinggi, jenis kemudahan biasanya dibahagikan kepada sumber kepekatan CO₂ rendah dan tinggi, dari segi ketulenan pelepasan sebelum ditangkap.

Jadual 2.1: Pertimbangan utama penangkapan.

Kriteria Pemilihan	Isipadu pelepasan, kepekatan CO ₂ , baki hayat aset, tekanan dan suhu gas serombong, jarak ke tempat penyimpanan, ruang yang tersedia untuk peralatan tangkapan dan bekalan air (untuk menyejukan).
Keselamatan / Integriti	Meminimumkan pelepasan bukan CO ₂ , degradasi bahan, pelupusan sisa, reka bentuk proses, reka bentuk naik taraf berbanding binaan baharu.

Tangkapan Kepekatan Tinggi

Penangkapan CO₂ daripada sumber berkepekatan tinggi mungkin memerlukan pemprosesan yang sangat sedikit sebelum diangkat. Contohnya adalah pelepasan daripada kemudahan pengeluaran etanol yang menghasilkan CO₂ yang pada asasnya merupakan hasil sampingan tulen daripada proses penapaian. Sesetengah

penyingkirkan kandungan oksigen mungkin dilakukan sebelum memampatkan CO₂ untuk penghantaran.

Proses lain yang dianggap sebagai sumber pelepasan berkepekatan tinggi termasuk penapisan minyak, pengeluaran hidrogen daripada gas asli (pembaharuan metana), pengeluaran ammonia (reformasi metana) dan aplikasi pemprosesan gas asli.

Tangkapan Kepekatan Rendah

Pelepasan gas serombong dari stesen janakuasa elektrik adalah contoh terbaik sumber pelepasan kepekatan rendah. Isipadu gas serombong adalah sangat besar dan jumlah kuantiti CO₂ dalam aliran pelepasan pula mungkin lebih rendah daripada 10 peratus bergantung kepada sumber. Sumber kepekatan rendah yang lain termasuk proses seperti pengkalsinan simen, pembuatan keluli, pengeluaran pulpa dan kertas dan pembuatan kimia.

Sistem tangkapan kepekatan rendah termasuk pelarut kimia (selalunya berasaskan amina), pengasingan kriogenik, membran dan penjerap. Jenis sistem ini secara amnya perlu direka bentuk untuk aplikasi hos tertentu. Keperluan tenaga dan penyejukan untuk sistem sedemikian boleh memanfaatkan infrastruktur sedia ada di kemudahan hos (cth., pengekstrakan wap, penggunaan air penyejuk, pemulihan haba sisa).

Peningkatan teknologi tangkapan kepekatan rendah biasanya dilakukan secara berperingkat – daripada ujian, demonstrasi/ perintis hingga pengerahan komersial. Contoh projek demonstrasi/perintis R&D CCUS sumber berkepekatan rendah ialah kemudahan Loji Barry milik Alabama Power, yang diterangkan di bawah. Terdapat juga contoh di luar A.S. untuk pengerahan CCS secara komersial. Sebagai contoh, pada tahun 2014, SaskPower Boundary Dam di Kanada menjadi stesen janakuasa pertama di dunia yang berjaya menggunakan teknologi CCS.



Meningkatkan Projek Tangkapan 25 Megawatt Loji Barry Alabama Power



Pada tahun 2009, Projek Demonstrasi CCUS 25 Megawatt di Loji Barry Alabama Power Company di A.S. merupakan kemudahan penangkapan karbon terbesar di dunia untuk loji janakuasa arang batu terhancur. CO₂ telah ditangkap daripada gas serombong menggunakan teknologi tangkapan pelarut amina termaju oleh Mitsubishi Heavy Industries. CO₂ dimampatkan di tapak dan diangkut sejauh 19 kilometer ke tapak simpanan geologi. Sebanyak 114 kt CO₂ telah ditangkap, diangkut, disimpan dan dipantau sepanjang projek perintis.

Data ujian yang dikumpul dan pengajaran yang diperoleh daripada projek ini menyediakan asas ujian yang sangat baik untuk mengembangkan teknologi ini daripada tangkapan aliran slip 25 Megawatt di Loji Barry berhampiran Mobile, Alabama kepada sistem tangkapan 240 Megawatt di Stesen Janakuasa W.A. Parish milik NRG berhampiran Houston, Texas. Projek NRG terus beroperasi sehingga hari ini.

Penyingkiran Karbon Dioksida (CDR)

Penyingkiran karbon dioksida (CDR) ialah proses di mana CO₂ dikeluarkan dari atmosfera dan disimpan secara kekal. Dua proses CDR yang dikaitkan dengan CCUS, disebabkan oleh persamaan teknologi, diterangkan di bawah.

Tangkapan Udara Langsung

Tangkapan Udara Langsung (DAC) ialah sejenis CDR yang melibatkan penggunaan proses untuk mengeluarkan CO₂ dari udara. Secara amnya ia melibatkan penggunaan teknologi berasaskan pelarut atau berasaskan penjerap. Memandangkan kepekatan CO₂ yang cair dalam udara, jumlah udara yang besar perlu diproses untuk setiap unit CO₂ yang ditangkap. Proses ini memerlukan tenaga yang banyak dan secara amnya lebih mahal berbanding sistem tangkapan industri.

Jenis CDR yang baru muncul ialah tangkapan langsung CO₂ daripada air laut. Kepekatan CO₂ dalam air laut adalah lebih tinggi daripada di udara, oleh itu beberapa projek perintis sedang dijalankan untuk mengeluarkan CO₂ daripada air laut.

CCS Biojisim

CCS biojisim melibatkan penukaran stok suapan secara terus kepada tenaga atau produk kimia, dengan penyingkiran karbon yang dihasilkan oleh proses tersebut. Penukaran tenaga secara terus termasuk pembakaran untuk penjanaan kuasa dan/atau pengeluaran wap dengan tangkapan titik sumber dalam aliran serombong. Penukaran kimia berlaku dengan mengubah biojisim menjadi singas dan seterusnya memproses singas menjadi hidrogen dan CO₂.

Pengangkutan



Selepas penangkapan, CO₂ boleh diangkut melalui saluran paip, rel, trak dan kapal. Saluran paip telah menjadi mod pengangkutan yang paling banyak digunakan untuk memindahkan jumlah CO₂ yang besar. Pilihan pengangkutan rel, trak dan perkapalan memerlukan pembangunan kemudahan pemunggahan untuk mengendalikan pengangkutan.

Jadual 2.2: Pertimbangan utama pengangkutan.

Kriteria Pemilihan	Isipadu, ketulenan CO ₂ , jarak, geografi, kos dan had penggunaan tanah.
Keselamatan/ Integriti	Had penggunaan tanah, keperluan tekanan dan suhu, bendasing dan jarak.

Saluran paip

Pengangkutan melalui saluran paip digunakan di darat dan luar pesisir. Di darat, CO₂ biasanya diangkut dalam saluran paip keluli karbon yang ditanam di bawah tanah. Di luar pesisir, saluran paip biasanya akan diletakkan pada permukaan dasar laut. Untuk diangkut melalui saluran paip, CO₂ perlu dimampatkan. Proses ini memerlukan tenaga yang banyak dan boleh membawa kepada pelepasan CO₂ yang berkaitan jika kuasa untuk pemampat bukan daripada sumber rendah karbon. Saluran paip CO₂ telah beroperasi di A.S. selama lebih daripada 50 tahun, dengan saluran paip sepanjang lebih 5,000 batu kini sedang beroperasi.¹

Rel

Pengangkutan rel CO₂ terutamanya dilakukan dengan menggunakan gerabak bertekanan yang mengangkut cecair CO₂. Untuk mengangkut melalui rel, pengendali perlu membangunkan infrastruktur yang sesuai untuk mencairkan, menyimpan, memuatkan dan memunggah CO₂ ke gerabak tangki. Di tapak penyimpanan, peralatan yang sesuai untuk pemunggahan, penyimpanan tangki dan pemampatan semula diperlukan untuk mengendalikan CO₂. Pengangkutan CO₂ melalui rel juga perlu mengambil kira pendidihan sebahagian daripada CO₂, yang dikenali sebagai kehilangan pendidihan, yang berlaku semasa pengangkutan.

Kapal/Barj


Mengangkut CO₂ melalui kapal² memerlukan kemudahan muat naik dan muat turun di pelabuhan untuk memudahkan pengangkutan. Pengangkutan kapal telah dianggap sebagai pilihan yang berdaya maju untuk projek luar pesisir yang bertujuan untuk menyimpan sama ada volum kecil atau volum daripada pelbagai sumber, dan pilihan berdaya maju untuk pengangkutan CO₂ merentas sempadan (kini sedang dipertimbangkan dalam kajian kemungkinan dan perintis di Eropah Utara dan Asia Tenggara). Di Jepun, sebuah kapal dengan kapasiti 1,450 m³ telah dibina pada tahun 2023³ untuk mengangkut CO₂ cecair untuk demonstrasi berskala besar di Tomakomai.⁴

Trak

Mengangkut CO₂ menggunakan trak dilaksanakan secara meluas untuk pengangkutan volum kecil jarak pendek. Biasanya, kapal tangki kriogenik volum rendah atau kapal bertekanan digunakan untuk membawa CO₂. Teknologi ini juga memerlukan kemudahan muat naik dan muat turun untuk memindahkan CO₂ ke dan dari trak.

Penyimpanan

Selepas diangkut, CO₂ boleh disimpan secara geologi dalam takungan bergaram yang dalam, takungan minyak dan gas yang telah habis dan formasi lain, seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah (Rajah 2.3). Penyimpanan melalui penggunaan (1) boleh berlaku di bawah permukaan semasa perolehan minyak tertingkat (EOR) dan perolehan gas tertingkat (EGR) dan (2) juga boleh digunakan untuk menghasilkan produk seperti bahan binaan, karbon hitam, gentian karbon atau plastik.



Rajah 2.3: Pilihan tapak penyimpanan geologi CO₂.

Walaupun pelbagai laluan wujud untuk penggunaan CO₂, yang ditangkap, pengurangan berskala besar CO₂ yang ditangkap perlu dilakukan melalui penyimpanan.⁵

Jadual 2.3: Pertimbangan Utama Penyimpanan

Kriteria Pemilihan	Isipadu CO ₂ , kedalaman, tekanan, suhu, isipadu liang yang tersedia, kebolehsuntikan, keadaan sempadan geologi, kerumitan geologi, tahap pengurungan batuan penudung, mekanik batuan, topografi, had penggunaan tanah, telaga legasi, ketersediaan infrastruktur legasi dan kos.
Keselamatan/Integriti	Keperluan tekanan dan suhu, pembendungan, keseismosan teraruh yang tidak boleh diterima, had penggunaan tanah, telaga legasi, melindungi sumber semula jadi dan peralatan keselamatan.

Penyimpanan Formasi Bergaram

Formasi bergaram ialah strata sedimen berliang yang wujud dalam lembangan darat dan luar pesisir dan biasanya terdiri daripada batu pasir dan karbonat yang mengandungi air garam dalam ruang liangnya. Formasi ini memberikan antara peluang terbesar untuk menyimpan volum komersial CO₂. Ciri penyimpanan yang sesuai dalam formasi bergaram termasuk kedalaman, pembendungan stratigrafi, keliangan dan kebolehtelapan. Pembendungan CO₂ yang disuntik di dalam lapisan tak telap di atasnya diperlukan untuk memastikan penyimpanan jangka panjang yang selamat dan kestabilan jangka panjang CO₂ yang disuntik.

Takungan Minyak/Gas Yang Telah Kering

Takungan minyak dan gas yang hampir atau berada di penghujung hayat pengeluarannya mungkin calon yang berpotensi untuk menyimpan CO₂. Takungan ini serupa dengan formasi bergaram seperti yang dinyatakan di atas, tetapi mempunyai minyak dan gas yang terperangkap di dalamnya – sama ada dalam lapisan sedimen atau perangkap struktural. Dengan penambahan CO₂, tekanan takungan boleh dipulihkan kepada keadaan seperti asal melalui medan telaga yang dipantau.

Batu Igneus Mafic

Batu mafik, seperti basalt dan peridotit, mengandungi mineral yang bertindak balas dengan CO₂ untuk membentuk karbonat mineral yang stabil (mineralisasi in situ). Proses ini mungkin penting di lokasi di mana jenis batuan ini merupakan sumber penyimpanan yang ada.

Penggunaan



Selepas diangkut, CO₂ boleh digunakan untuk membantu dalam pengekstrakan hidrokarbon atau menghasilkan produk. Penggunaan boleh menyumbang kepada pembangunan infrastruktur CCS, terutamanya untuk EOR atau EGR. CO₂ juga boleh digunakan untuk menghasilkan produk seperti bahan binaan, karbon hitam, gentian karbon, atau plastik.

Perolehan Minyak Tertingkat

EOR ialah teknologi pengeluaran minyak matang yang telah digunakan sejak tahun 1970-an.⁶ CO₂ pada tekanan takungan merupakan gas fasa tumpat dengan sifat seperti cecair yang boleh bercampur dengan minyak. Pencampuran ini merendahkan kelikatan hidrokarbon dan membolehkan perolehan minyak yang selanjutnya dari takungan. Biasanya, CO₂ disuntik ke dalam takungan, tetapi sistem gelung tertutup digunakan untuk mengeluarkan CO₂ yang dihasilkan daripada aliran pengeluaran, kemudiannya dimampatkan dan dicampurkan semula dengan CO₂ baharu yang mungkin diperoleh daripada sumber tangkapan.

Perolehan Gas Tertingkat

EGR ialah teknik pengeluaran hidrokarbon yang boleh digunakan sama ada dalam takungan gas asli atau lipit batu arang. EGR berfungsi

dengan menggantikan gas asli secara terus. Aplikasi teknologi ini berfungsi paling baik apabila keadaan in situ meminimumkan resapan CO₂ dan penembusan pramatang dalam takungan. Satu kes EGR yang istimewa ialah perolehan gas metana lapisan arang batu tertingkat. Proses ini berfungsi dengan menggunakan CO₂ untuk menggantikan gas metana dalam arang batu.

Penukaran CO₂ Kepada Produk

Tidak termasuk penghasilan bahan api, yang membawa kepada pelepasan langsung CO₂ yang digunakan, terdapat berbilang pilihan penggunaan CO₂ untuk produk yang boleh dianggap sebagai penyimpanan jangka panjang. Penukaran CO₂ kepada produk untuk tujuan penggunaan harus mengambil kira kesan keseluruhan proses berkaitan dengan atmosfera. Hal ini juga dirujuk sebagai penilaian kitaran hayat.

Kajian kes di bawah menunjukkan proses pemilihan produk di sebuah kemudahan simen India untuk mengenal pasti pilihan berdaya maju dan keadaan pasaran untuk pengerahan komersial.



Menilai Produk daripada CO₂ yang Ditangkap dalam Industri Simen India⁷

Pada tahun 2021, Bank Pembangunan Asia (ADB) menyokong satu kajian simen di India untuk menilai kebolehlaksanaan produk yang ditukar daripada CO₂ yang ditangkap. Kajian ini menilai enam produk: urea, soda abu, mineralisasi, metanol, alga untuk makanan haiwan dan alga untuk minyak. Penilaian itu menyenarai pendek urea dan mineralisasi sebagai pilihan dengan kedudukan teratas. Loji tangkapan CO₂ boleh menggunakan teknologi pasca pembakaran dengan kapasiti 500kt CO₂ setahun. Jumlah CO₂ yang ditangkap ini boleh ditukar kepada 680kt urea. Analisis kewangan menunjukkan pulangan pelaburan yang rendah di bawah keadaan piawai yang diandaikan. Untuk meningkatkan daya maju komersial, kajian menyimpulkan bahawa perkara berikut adalah kritikal:

- Ketersediaan kos operasi yang rendah untuk elektrik dan wap di tapak.
- Tahap harga khusus kredit karbon untuk mengisi jurang daya maju kewangan.

Pertimbangan Saling Bersilang

Keselamatan

Keperluan teknikal untuk projek CCUS perlu menyepadan peruntukan keselamatan di seluruh rantaian nilai. Pertimbangan keselamatan untuk projek CCUS hendaklah termasuk:

- Perlindungan daripada pelepasan CO₂ utama (pengasfiksian, kesan daripada bendasing CO₂, kesan ke atas ekosistem marin), termasuk peruntukan untuk tindak balas kecemasan dan sistem keselamatan yang direka bentuk.
- Memantau peningkatan pelepasan udara bagi bahan pencemar udara berbahaya (produk degradasi amina, ammonia, jirim zarahan).
- Menilai integriti penyimpanan. Laluan kebocoran bawah permukaan utama untuk CO₂ yang tersesar adalah melalui penembusan telaga legasi yang dilengkapkan melalui sistem kurungan. Sebagai contoh, untuk melindungi sumber air minuman, penembusan telaga harus mengekalkan integriti untuk memastikan tiada laluan fugitif untuk pergerakan CO₂ ke dalam sumber air. Di samping itu, ciri geologi seperti sesar perlu dikaji semula.

Analisis dan Pengurusan Risiko

Risiko kepada kejayaan projek CCUS mungkin termasuk kewangan, operasi, penyimpanan, kesihatan/keselamatan, persepsi awam. Entiti kawal selia perlu mempertimbangkan pembangunan dan pengerahan analisis risiko dan sistem mitigasi. Dalam kes risiko operasi, kesihatan dan keselamatan, sistem mitigasi, ini boleh termasuk sistem kawalan penyeliaan dan pemerolehan data (SCADA) yang menyediakan kawalan sistem automatik dan sistem penggera untuk melindungi

pelbagai komponen CCUS. Di samping itu, bengkel pengurusan risiko dan mitigasi yang kerap perlu dijalankan untuk mengenal pasti, mengesan dan menutup risiko.

Spesifikasi Kualiti

CO₂ yang dihasilkan daripada sumber tangkapan yang berlainan mungkin mempunyai komposisi bendasing yang berbeza. Pilihan pengangkutan dan penyimpanan akan memerlukan sesetengah bendasing ini untuk dialihkan sebagai langkah untuk melindungi infrastruktur pengangkutan atau penyimpanan daripada kerosakan (cth., kakisan dan risiko awam). Beberapa negara juga sedang membangunkan keperluan kawal selia untuk mengehadkan bendasing dalam aliran CO₂. Semua keperluan ini perlu dipertimbangkan oleh pengendali penangkapan dan pengangkutan untuk memastikan pematuhan. Sesetengah operasi penangkapan mungkin memerlukan peralatan pemprosesan tambahan.

Infrastruktur Bersepadu

Untuk pembinaan infrastruktur CCUS, adalah penting untuk menyepadukan semua komponen yang diperlukan untuk projek CCUS. Sebagai contoh, keperluan operasi berdasarkan sumber CO₂ untuk tangkapan mungkin memerlukan pertimbangan sistem pengangkutan dan penyimpanan.

3. Libat Urus Projek CCUS


Ringkasan Penting

- Projek CCUS memerlukan libat urus untuk berjaya. Libat urus ialah komunikasi oleh pembuat dasar, pengawal selia, pemaju projek dan orang ramai sepanjang hayat projek.
- Pembuat dasar dan pengawal selia perlu bersedia untuk melibatkan diri sejak awal dengan pihak berkepentingan awam — termasuk komuniti tempatan — untuk mengelakkan kelewatan dan pembatalan.
- Langkah pertama yang kritikal ialah memahami peserta utama, aktiviti masing-masing dan tahap libat urus yang sesuai: pemetaan dan perancangan pihak berkepentingan.
- Malah komuniti yang biasa dengan projek minyak dan gas, atau projek pengekstrakan lain, mungkin ragu-ragu dengan projek CCUS. Projek Barendrecht di Belanda menunjukkan risiko kegagalan untuk libat urus dengan komuniti dalam projek CCUS.

Pengenalan

Libat urus ialah proses melibatkan pembuat dasar, pengawal selia, pemaju projek dan orang ramai dalam komunikasi sepanjang hayat projek. Libat urus komuniti bukanlah konsep baharu dalam industri tenaga, tetapi telah berubah dengan ketara dalam dekad yang lalu untuk menjadi lebih inklusif, responsif dan teguh. Projek infrastruktur besar, termasuk turbin angin dan landasan kereta api, telah memberikan pengalaman tentang kepentingan melaksanakan libat urus awam dengan betul, pada awal projek.¹ Risiko kegagalan libat urus secara bermakna dengan masyarakat tempatan dan orang ramai boleh menyebabkan penangguhan projek, atau malah pembatalan. Secara lebih positif, elemen utama libat urus yang menetapkan strategi/panduan, pengawasan, proses membuat keputusan dan

perkongsian maklumat ditunjukkan di bawah. Persimpangan dasar dan undang-undang/peraturan untuk memacu impak dengan komunikasi kepada orang ramai tentang sesuatu projek boleh membentuk elemen libat urus. Bab ini akan menerangkan elemen-elemen ini dan beberapa elemen lain dengan lebih terperinci.



Rajah 3.1: Elemen libat urus CCUS.

Ketidakbiasaan atau kurang kesedaran tentang penangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) sebagai teknologi mitigasi iklim mungkin menjadi masalah untuk kejayaan dan pelaksanaan projek. Secara ringkasnya, maklumat yang tidak mencukupi tentang pembangunan projek, teknologi, latar belakang atau proses membuat keputusan boleh menyebabkan kekurangan penerimaan atau sokongan dalam kalangan masyarakat sekeliling. Untuk beberapa projek, ini boleh mengakibatkan pembatalan projek. Oleh itu, komunikasi dan libat urus adalah elemen utama dalam melaksanakan projek CCUS.

Kepentingan Libat Urus dan Prinsip Teras

Penglibatan yang berkesan adalah penting untuk mewujudkan saluran komunikasi terbuka, memaklumkan pihak berkepentingan tentang potensi risiko dan faedah, menangani soalan, keimbangan dan persepsi risiko, bertukar-tukar idea, memupuk pengetahuan dan membina hubungan yang dipercayai dan libat urus jangka panjang. Ia juga boleh menambah kesedaran, meningkatkan sokongan, membina pengaruh, menyokong pembangunan dasar dan kawal selia, menambah baik proses membuat keputusan dan secara proaktif mengurangkan potensi tentangan. Perlu diingatkan bahawa kaedah dan tahap libat urus awam akan berubah sepanjang hayat mana-mana projek CCUS.

Senarai prinsip utama yang tidak lengkap untuk penglibatan CCUS, berdasarkan pengalaman penyumbang dalam projek ini, diterangkan di bawah.



Ketelusan. Berkongsi maklumat fakta, perkembangan, impak komuniti dan potensi risiko serta manfaat secara jelas, terbuka dan langsung; menyediakan rekod awam yang meringkaskan peristiwa.



Kepelbagai, Keterangkuman dan Kebolehcapaian. Bersikap inklusif dan libatkan orang yang mempunyai pelbagai jenis pandangan dan pengalaman hidup. Memastikan peluang untuk mengambil bahagian menawarkan kebolehcapaian penuh. Melakukan penyesuaian yang munasabah untuk mereka yang berkeperluan khas.



Memahami Komuniti. Pemaju projek mungkin mengetahui isu yang dihadapi komuniti, dan apabila projek dibangunkan, mereka akan menjadi sebahagian daripada komuniti. Komuniti yang berbeza melaksanakan libat urus maklumat dan berkomunikasi secara berbeza. Ini mungkin memerlukan strategi komunikasi dan libat urus yang pelbagai dalam sesbuah projek.



Libat Urus Awal dan Kerap. Kenal pasti tahap keperluan dan kekerapan/forum yang sesuai untuk libat urus.



Membuat keputusan. Libatkan komuniti dalam proses membuat keputusan dan semak projek dengan rakan teknikal di simposium dan acara teknikal.



Garis Panduan Libat Urus. Wujudkan garis panduan untuk menyokong pertukaran pandangan yang membina secara terhormat ke arah persefahaman bersama.



Pertukaran dua hala. Sediakan pertukaran maklumat dua hala, galakkan pendengaran aktif dan mengakui serta menggabungkan perspektif dan idea baharu.



Kerjasama dan Perkongsian Secara aktif membina kerjasama dan perkongsian dalam kalangan pelbagai kumpulan dan individu untuk memajukan matlamat bersama.



Menyampaikan Gambaran Keseluruhan. Sampaikan dengan jelas ‘Mengapa CCUS’ dan hubungkan aktiviti dengan gambaran keseluruhan.



Manfaat Komuniti. Di bawah konteks tempatan dengan bekerjasama dengan penduduk di lapangan untuk menentukan nilai langsung kepada komuniti yang diperoleh daripada pembangunan projek. Melihat melangkaui pemilik harta tanah kepada ahli lain dalam komuniti, termasuk cara projek CCUS boleh memberi peluang kepada mereka yang kurang mendapat perhatian – perniagaan milik minoriti, perniagaan milik wanita dan perniagaan milik veteran.



Ukur/Tinjauan Kesan. Masukkan metrik kejayaan yang boleh diukur untuk memahami bagaimana aktiviti libat urus memberi kesan kepada pihak berkepentingan dari semasa ke semasa (lihat kajian kes mengenai Houston CCS Alliance di bawah). Nilaikan untuk memahami apa yang berkesan dan apa yang tidak, dan semak semula dengan sewajarnya.



Fleksibiliti. Bersikap fleksibel dan akui, sesuaikan, dan masukkan maklum balas sebagai boleh direalisasikan secara praktikal.



Bahasa. Kenal pasti bahasa utama dalam komuniti yang berkaitan dan bangunkan bahan dan anjurkan mesyuarat dalam bahasa ini mengikut keperluan.



Kejelasan. Gunakan grafik yang boleh difahami dengan jelas, termasuk skala kedalam yang tidak dibesar-besarkan untuk menyampaikan jarak.



Membina Kapasiti. Terangkan pembangunan tenaga kerja dan penglibatan projek dengan ahli akademik (cth., penubuhan program latihan).



Usaha Libat Urus Houston CCS Alliance



**100
juta**
Tan setahun
menjelang 2040

Jumlah CO₂ yang boleh ditangkap dan disimpan secara selamat oleh kawasan Houston (bukannya melepaskan gas ke alam sekitar) adalah dianggarkan pelepasan tahunan **dua buah Bandaraya New York**

Rajah 3.2: Berdasarkan analisis data daripada Jabatan Tenaga A.S. (2018) dan Pejabat Kelestarian Datuk Bandar NYC.
(Ihsan grafik dari Houston CCS Alliance)

Kawasan Houston mempunyai salah satu sumber pelepasan CO₂ yang paling tertumpu di Amerika Syarikat dan terletak berhampiran formasi simpanan geologi bawah tanah yang prolifik, menjadikannya ideal untuk pembangunan projek CCS berskala besar. Pada tahun 2021, sebelas daripada pelepas CO₂ perindustrian terbesar di Houston, Texas, membentuk Houston CCS Alliance untuk menangani dengan lebih baik keperluan untuk meningkatkan libat urus awam dan mendidik masyarakat dengan lebih teliti tentang manfaat tempatan yang boleh dibawa oleh penangkapan dan penyimpanan karbon ke wilayah Pantai Teluk Texas .

Syarikat-syarikat yang menganggotai perikatan ini telah bekerjasama untuk menganjurkan lebih daripada 30 perbincangan awam tentang CCS, membangunkan sumber bercetak komuniti dwibahasa dan video pendidikan, menaja acara tempatan yang penting dan mengatur aktiviti sukarelawan yang memberi kesan untuk menambah baik sumber awam. Usaha ini telah menghasilkan lebih daripada 20 kenyataan sokongan daripada pegawai dan organisasi yang dipilih, liputan media yang positif di pasaran tempatan, dua resolusi daripada kerajaan tempatan yang mengiktiraf Alliance CCS Houston, dan yang terbaru, anugerah daripada Pesuruhjaya Harris County yang menyampaikan penghargaan kepada Alliance kerana membantu masyarakat berkembang maju. Alliance ini terus melibatkan komuniti sehingga hari ini.

Peserta Utama

Pemain utama libat urus terbahagi kepada empat kumpulan utama: pembuat dasar, pengawal selia, pemaju projek dan orang ramai. Jadual di bawah (Jadual 3.1) meringkaskan peranan utama dan ciri libat urus bagi setiap kumpulan.



Pembuat dasar. Pelbagai agensi kerajaan boleh terlibat dalam membangunkan dasar CCUS yang mungkin memerlukan proses libat urus pelbagai pihak berkepentingan. Salah satu mekanisme ialah kumpulan kerja antara agensi untuk menyelaras dan menyusun pembangunan dasar, berkongsi maklumat, menggabungkan cadangan daripada semua kementerian berkaitan, membangunkan rangka kerja perundangan, dan/atau menugaskan pembangunan rangka kerja kepada agensi kerajaan masing-masing, dan mengenal pasti pemacu seperti penalti/mandat termasuk penetapan sasaran pengurangan pelepasan nasional yang menyeluruh mengikut mana yang berkenaan. Mekanisme lain adalah untuk membangunkan set data teras, seperti oleh agensi sains kerajaan dan makmal milik kerajaan, yang menyokong keputusan dasar. Ini boleh termasuk penilaian potensi CCUS dalam bidang kuasa tertentu dan/atau pelan hala tuju untuk menyokong pengurangan pelepasan, seperti yang diterangkan dalam Bab 5: Pelan Hala Tuju untuk Membangunkan Rangka Kerja Perundangan dan Kawal Selia. Khususnya dalam ekonomi sedang pesat membangun, membuat dasar mempunyai peranan penting dalam mengenal pasti agensi utama, bukan sahaja untuk reka bentuk dan pelaksanaan perundangan/peraturan, tetapi juga untuk menyelaraskan pihak berkepentingan dan fasa persediaan yang menyokong proses kawal selia.



Pengawal selia. Pengawal selia membangunkan peraturan, mengawasi pelaksanaannya (seperti menyemak permohonan permit), dan menguatkuasakan peraturan. Pengawal selia selalunya diperlukan untuk mengetuai libat urus awam mengenai peraturan dan projek yang dicadangkan. Melalui ulasan dan mesyuarat awam, pengawal selia boleh mengumpulkan ulasan dan kebimbangan daripada masyarakat setempat. Selalunya, pengawal selia akan bertindak balas terhadap ulasan awam tetapi pemaju projek mungkin bertindak balas juga. Penyertaan/rundingan awam pada peringkat utama projek – pemilihan tapak, operasi dan penutupan – lazimnya digalakkan.



Pemaju Projek. Menerusi justifikasi perniagaan, pemaju projek membimbing projek di sepanjang laluannya hingga siap. Pasukan pembangunan projek dalam syarikat kebiasaannya menjalankan libat urus dalaman dan luaran yang menyeluruh untuk memastikan CCUS disokong merentasi unit perniagaan dan dalam kepimpinan. Setelah lokasi projek dikenal pasti, pemaju projek boleh melaksanakan pemetaan penglibatan pihak berkepentingan dan komuniti yang bertanggungjawab untuk membangun dan melaksanakan pelan libat urus.



Komuniti. Teras penglibatan CCUS ialah komuniti yang terjejas oleh projek tersebut. Komuniti ini termasuk pemimpin tempatan, pegawai yang dipilih, pemilik tanah, NGO dan orang awam. Adalah penting untuk mengambil perhatian dan memahami isu kumpulan penduduk yang kurang bernalasib baik dan/atau terpinggir, termasuk status kepelbagaiannya demografi pelbagai jenis yang akan terjejas dengan ketara oleh projek CCUS. Terdapat juga pertimbangan penting dari sudut undang-undang mengenai isu ‘pendirian’ untuk menentukan siapa yang mungkin terlibat dalam mencabar secara rasmi sebarang keputusan berkaitan projek.

Peserta utama bertemu bagi beberapa aktiviti untuk terlibat. Ciri aktiviti ini ditunjukkan di bawah.


Jadual 3.1: Aktiviti dan Ciri Libat Urus Peserta Utama.

	Aktiviti	Ciri Libat Urus
A teal icon showing two hands shaking, with a checkmark inside a shield-like shape above them.	<ul style="list-style-type: none">→ Membangunkan dasar CCUS, menyokong inovasi dan perkongsian awam-swasta→ Menjalankan libat urus berbilang pihak berkepentingan→ Terlibat dalam penyelarasan antara agensi	<ul style="list-style-type: none">→ Menentukan tahap libat urus→ Menetapkan proses melalui pasukan petugas

Pengawal selia	 <ul style="list-style-type: none"> → Membuat peraturan → Menyemak permohonan permit → Pengawasan pemaju projek dan pelaksanaan libat urus → Penguatkuasaan 	<ul style="list-style-type: none"> → Wujudkan proses libat urus → Dapatkan kemas kini daripada pemaju projek → Menilai kesan → Meningkatkan tahap penyertaan
Pemaju Projek	 <ul style="list-style-type: none"> → Melaksanakan projek → Menjalankan pemetaan dan penilaian pihak berkepentingan → Terlibat dalam dialog dua hala → Membangunkan hubungan yang saksama dan membina kepercayaan 	<ul style="list-style-type: none"> → Melaksanakan proses libat urus → Berunding dan berbincang → Membincangkan faedah, risiko dan mitigasi
Komuniti	 <ul style="list-style-type: none"> → Mengambil bahagian dalam dialog → Mencari maklumat → Kongsi kebimbangan dan memastikan penyelesaian → Mempengaruhi pembuat dasar dan pemaju projek 	<ul style="list-style-type: none"> → Dialog tetap dan berterusan dengan pemaju projek → Berkommunikasi dengan pengawal selia → Mengulas tentang penilaian kesan alam sekitar

Kumpulan ini berinteraksi sepanjang projek CCUS untuk bertukar-tukar rancangan, cabaran, pengalaman dan pengetahuan untuk membuat keputusan termaklum. Interaksi antara empat kumpulan ini adalah penting untuk projek CCUS yang selamat dan berjaya.

Seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah (Rajah 3.3), libat urus harus menjadi proses berterusan dengan peserta utama sepanjang hayat projek. Libat urus bermula sebelum pemilihan tapak dan dikekalkan sepanjang pembangunan, operasi, penutupan dan kemudiannya selepas penutupan. Pengarang menyedari bahawa tidak semua libat urus akan mengikuti lengkung semula jadi seperti yang ditunjukkan dalam rajah, kerana peristiwa semasa operasi boleh mengakibatkan lonjakan dalam libat urus, atau selepas pembangunan tahap libat urus mungkin berkurangan disebabkan oleh isu bersaing yang mungkin dihadapi oleh pihak berkepentingan. Namun begitu, membina perhubungan memerlukan masa, usaha, ketelusan dan perancangan.



Rajah 3.3: Tahap libat urus peserta utama sepanjang jangka hayat projek.

Proses Libat Urus: Tumpuan Komuniti

Prinsip teras dan peserta utama untuk projek CCUS telah ditangani. Bahagian ini menerangkan proses libat urus dengan tumpuan kepada komuniti. Pertama, pertimbangkan untuk memahami siapa konstituen anda melalui pemetaan dan tinjauan. Seterusnya, sesuaikan teknik jangkauan berdasarkan jenis mesej dan kumpulan dalam komuniti.

Memahami Konstituen

Terdapat pelbagai pendekatan dan alternatif untuk libat urus. Proses-proses ini bergantung pada membangunkan pemahaman yang baik tentang perkara-perkara yang penting kepada komuniti setempat dan pihak berkepentingan yang terjejas. Pendekatan secara teliti boleh dibangunkan dengan menggunakan tinjauan yang disasarkan yang memetakan atau menilai perasaan komuniti terhadap tindakan atau tema tertentu. Teknik ini boleh menilai dengan pantas segmen komuniti yang lebih besar. Proses penyertaan komuniti, di mana ahli komuniti mengenal pasti kaedah libat urus dan topik yang paling penting bagi mereka, juga boleh menjadi teknik yang membantu untuk memahami konstituen.

Libat urus secara langsung dengan pihak berkepentingan juga boleh dijalankan menggunakan pertemuan bersemuka di mana tindakan dan tema yang mungkin disampaikan kepada masyarakat untuk maklum balas. Acara jangkauan umumnya terdiri daripada perhimpunan awam, yang mungkin termasuk sebilangan besar konstituen dan gabungan pembentangan, soal jawab, ulasan awam, dan komunikasi satu lawan satu dengan pihak berkepentingan tersebut.

Lazimnya, tidak ada cara khusus untuk menentukan perasaan pihak berkepentingan mengenai isu tertentu. Amalan utama adalah libat urus secara kerap dan dalam pelbagai cara dengan mereka untuk memastikan keratan rentas pandangan yang munasabah diterima.

Jadual berikut (Jadual 3.2) meringkaskan beberapa kaedah libat urus bersama dengan kelebihan dan keburukan umum. Dalam semua kes, apabila menggunakan prinsip libat urus teras, aktiviti ini penting untuk membina kepercayaan.

Jadual 3.2: Kaedah jangkauan dan potensi kelebihan dan keburukan

Kaedah jangkauan	Apakah kaedah ini?	Kelebihan	Keburukan
Tinjauan	Satu set soalan untuk mengukur perasaan masyarakat tentang aktiviti atau isu	Boleh mencapai jumlah yang besar dalam masyarakat	Tiada interaksi langsung dan selalunya peratusan pulangan yang rendah; mungkin boleh mencapai subset komuniti sahaja
Perhimpunan Awam	Acara di mana maklumat dibentangkan, wakil menjawab soalan daripada komuniti, dan mereka menerima ulasan	Mesej sekaligus boleh mencapai jangkauan luas merentas komuniti. Keupayaan untuk memahami soalan dan kebimbangan utama, dan menggabungkan maklum balas	Perbualan boleh didorong oleh sebilangan kecil peserta

Jangkauan Bersasaran	Acara di mana wakil membentangkan butiran daripada projek. Ini mungkin termasuk lawatan tapak dan sesi Soal Jawab	Komunikasi dua hala yang lebih baik	Selalunya sampel masyarakat yang lebih kecil, mungkin para pemimpin masyarakat
Pejabat/Gerai Awam	Lokasi tetap di mana orang ramai boleh belajar secara bebas tentang projek dan libat urus dengan wakil	Mendorong komunikasi satu lawan satu dan perkongsian maklumat	Terdapat banyak libat urus untuk menjangkau sebilangan kecil dalam komuniti
Jangkauan Teknikal	Pembentangan di mesyuarat, simposium dan forum	Tapisan teknikal projek oleh rakan sebaya	Penglibatan dengan subset teknikal yang kecil dalam komuniti
Akhbar / Berita Tempatan	Jangkauan melalui saluran media	Mencapai komuniti tempatan dan mungkin melibatkan penyertaan pihak ketiga (wartawan) dalam komunikasi	Tiada interaksi langsung; tidak semua orang mempunyai akses kepada berita dan mungkin melibatkan penyertaan pihak ketiga (wartawan) dalam komunikasi

Laman web	Laman web projek yang mengandungi maklumat tentang projek, teknologi, risiko dan proses membuat keputusan	Boleh mencapai jumlah yang besar dalam masyarakat; platform dinamik dengan pilihan untuk dikemas kini semasa projek berkembang; boleh diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa	Tiada interaksi langsung
Risalah/Iklan	Maklumat yang disasarkan digantung atau diedarkan di tempat awam	Menjangkau komuniti setempat	Tiada interaksi secara langsung

Selalunya, lebih daripada satu proses ini perlu digunakan dalam kombinasi untuk memastikan tahap libat urus yang sewajarnya. Lihat kajian kes tentang Houston CCS Alliance, di atas.

Teknik Libat Urus

Terdapat pelbagai cara untuk berkongsi dan bertukar maklumat dengan pihak berkepentingan. Apabila memulakan libat urus komuniti, bertemu dengan pemimpin utama terlebih dahulu boleh membantu untuk mula memahami isu penting yang mungkin memerlukan perhatian tambahan sebelum terlibat secara langsung dengan komuniti.

Pemetaan pihak berkepentingan boleh menjadi alat penting untuk menyokong aktiviti libat urus yang berkesan (lihat bahagian Sumber untuk Libat Urus dalam Bab 9: Sumber Tambahan). Ia menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti,

menilai dan memetakan secara visual individu dan kumpulan yang berpotensi untuk terlibat, mengenal pasti peranan utama, mempertimbangkan potensi titik persamaan dan halangan, menentukan potensi kekerapan dan keutamaan libat urus dan membangunkan mesej utama.

Rakan kongsi dan fasilitator tempatan boleh membantu mengenal pasti kumpulan individu ini. Pakar bebas (cth., ahli akademik) boleh dibawa masuk untuk berkongsi pendapat mereka yang tidak berat sebelah tentang kesempuraan projek sedemikian dalam komuniti. NGO juga mungkin memainkan peranan penting, mewakili kepentingan seperti alam sekitar atau kesihatan dan keselamatan komuniti.

Terdapat juga beberapa teknik komunikasi sehala. Penggunaan laman web atau media sosial untuk melibatkan pihak berkepentingan adalah aspek jangkauan yang semakin meningkat. Temu bual media (sama ada bercetak, radio, podcast atau televisyen) juga boleh digunakan untuk penyampaian mesej komuniti yang meluas.

Walau bagaimanapun, amalan utama menunjukkan bahawa kaedah komunikasi dua hala – kaedah yang boleh diterima dan disebarluaskan oleh kedua-dua pihak – adalah lebih baik. Cabaran teknik libat urus ini adalah untuk memastikan pemesejan projek sampai kepada lebih ramai orang dalam komuniti.

Pemaju projek mungkin perlu hadir secara langsung dan menjadi sebahagian daripada komuniti. Langkah ini membantu membina kepercayaan dan membolehkan libat urus yang lebih kerap dan berterusan. Pelbagai cara boleh digunakan untuk membangunkan pengalaman komuniti ini, tetapi tiada apa yang boleh menggantikan kehadiran langsung dalam komuniti. Sesetengah pemaju projek yang berjaya telah membuka pejabat jangkauan dalam komuniti untuk membolehkan libat urus sehari-hari.

Contoh di bawah menerangkan bagaimana pelan libat urus komuniti yang lemah boleh menyebabkan pembatalan projek CCUS.



Projek Barendrecht di Belanda Dibatalkan Oleh Sebab Libat Urus Komuniti yang Tidak Mencukupi

Kurangnya penerimaan orang ramai boleh menjadi punca kepada pembatalan projek. Salah satu contoh ialah projek Barendrecht di Belanda. Projek ini merancang untuk memisahkan dan menangkap pelepasan CO₂ daripada kilang penapisan minyak sebelum menyuntik dan menyimpan kira-kira 10 Mt CO₂ selama 25 tahun dalam medan gas yang telah habis di bawah bandar Barendrecht. Masyarakat bimbang tentang kerosakan rumah dan potensi penurunan nilai harta tanah kerana berdekatan dengan tapak penyimpanan. Terdapat juga sentimen yang kuat bahawa masyarakat tidak dimaklumkan tentang perkembangan projek dan diberikan sedikit atau tiada kuasa dalam proses membuat keputusan. Selain itu, terdapat perselisihan pendapat antara pengawal selia tempatan dan nasional tentang proses libat urus awam dan risiko projek yang dilihat. Akhirnya, projek itu telah dibatalkan.²

Pemaju projek terlibat dengan komuniti dan melaburkan masa dan sumber untuk libat urus komuniti. Walau bagaimanapun, libat urus bermula terlalu lewat dalam proses itu. Oleh kerana projek itu dianggap sebagai komersial secara eksklusif,³ terdapat sedikit penglibatan komuniti dalam skop awal atau proses membuat keputusan. Berikutan pembatalan projek, pemaju projek menyedari pengajaran yang dipelajari berkaitan dengan libat urus komuniti.

Mereka menyatakan bahawa “[pengajaran yang paling penting] daripada projek Barendrecht ialah kepentingan untuk mewujudkan kepercayaan bersama antara pihak berkepentingan dan komitmen antara satu sama lain dan kepada projek. Ini boleh dilakukan dengan memasukkan semua pihak berkepentingan dalam proses projek pada peringkat awal dan menyampaikan tentang projek dan prosesnya kepada masyarakat”.⁴

Penglibatan termasuk membawa kemahiran, pengetahuan, sumber dan rangkaian yang diperlukan untuk memajukan industri CCUS, seperti yang diperincikan dalam Bab 4: Membina Kapasiti.

4. Membina Kapasiti

Ringkasan Penting

- Negara perlu memastikan bahawa semua peserta utama – pembuat dasar, pengawal selia, pemaju projek dan komuniti – mempunyai kapasiti. Pembinaan kapasiti ialah proses membangunkan dan meningkatkan kemahiran, pengetahuan, sumber dan rangkaian tempatan yang diperlukan untuk memajukan industri CCUS.
- Industri CCUS yang sedang berkembang boleh mewujudkan peluang pekerjaan yang mampan, tetapi tenaga kerja CCUS memerlukan pelbagai bidang sains, kejuruteraan, undang-undang dan kemahiran lain.
- Aktiviti pembinaan kapasiti termasuk menujuhan pusat ujian dan latihan CCUS, menyokong aktiviti RD&D, memupuk latihan amali dan memudahkan rangkaian kerjaya.
- Kajian kes dari A.S. dan Norway menunjukkan kepentingan dan potensi kemudahan pembinaan kapasiti.

Pengenalan

Pembinaan kapasiti untuk CCUS bertujuan untuk melengkapkan organisasi dan individu dengan kemahiran, pengetahuan, sumber dan rangkaian yang diperlukan untuk melaksanakan dan memajukan industri CCUS. Ia juga harus bertujuan untuk menyokong pertumbuhan rangkaian yang kukuh dan merekrut bakat yang diperlukan untuk memangkin industri yang baru muncul ini. Pembinaan kapasiti boleh dilakukan menerusi beberapa pendekatan termasuk pemindahan pengetahuan, latihan, pembangunan tenaga kerja, latihan amali dan penyelidikan.

Oleh kerana teknologi CCUS secara umumnya tidak terkenal, libat urus dalam aktiviti pembinaan kapasiti boleh memberi manfaat

kepada sesiapa sahaja yang bekerja secara langsung atau tidak langsung di lapangan. Pembangunan kapasiti di negara-negara yang mempunyai projek dan rangka kerja penggerak awal sering memfokuskan aktiviti di sekitar projek demonstrasi yang kemudiannya membawa kepada projek komersial. Di negara-negara membangun, pertukaran pengetahuan daripada projek yang bergerak awal membolehkan mereka belajar daripada apa yang telah dilakukan di tempat lain. Bab ini membincangkan keperluan tenaga kerja, cabaran, pembangunan, penyelidikan akademik dan penyelidikan/pembangunan/pengerahan (RD&D).

Keperluan Tenaga Kerja CCUS

Walaupun beberapa kemahiran yang diperlukan untuk CCUS boleh dipindahkan daripada industri lain, CCUS mempunyai pertimbangan khusus yang diperlukan untuk melatih semula tenaga kerja sedia ada atau generasi pekerja CCUS yang akan datang. Industri CCUS yang sedang berkembang berpotensi untuk mencipta pelbagai peluang pekerjaan berkualiti dan menjadi bahagian penting dalam sektor tenaga global yang lebih mampan. Pekerja diperlukan sepanjang hayat projek CCUS, bermula daripada penangkapan (yang memerlukan lebih ramai kakitangan jurulatih dan lebih banyak peralatan), pemeriksaan tapak, pemilihan dan pencirian kepada reka bentuk dan kelulusan tapak, pembinaan, operasi, pemantauan selepas suntikan dan penutupan tapak (lihat Jadual 4.1 di bawah).

Selain keperluan tenaga kerja khusus projek, pembuat dasar, pengawal selia, pemimpin masyarakat dan pegawai yang dipilih yang ingin memahami cara memaksimumkan peluang CCUS juga perlu membina tahap kapasiti dan pengetahuan CCUS yang tertentu. Penyelidikan akademik boleh menyokong penguasaan topikal dan kemasukan topik CCUS dalam kurikulum akademik yang membina minat dan keupayaan dalam CCUS.

Jadual 4.1: Keperluan tenaga kerja untuk projek CCUS.

Saling bersilang	Pengurus projek; profesional kesihatan, keselamatan, dan alam sekitar; pakar hidrologi; jurutera elektrik; jurutera awam; ahli ekonomi; peguam; juru elektrik; juru kimpal; tukang paip; pemandu trak; pengendali peralatan berat; keselamatan tapak; penganalisis kewangan; akauntan; pegawai pematuhan; dan pakar perhubungan masyarakat.
Penangkapan	Jurutera kimia; jurutera mekanikal; pemodel pelepasan udara; dan jurutera proses.
Pengangkutan	Jurutera kereta api; konduktor rel; penghantar; malim; kapten; pekerja pelabuhan; pelaut pedagang; kakitangan pembinaan dan penyelenggaraan saluran paip.
Penggunaan	Ahli kimia; jualan dan pemasaran; dan jurutera bahan.
Penyimpanan	Ahli geologi; ahli geofizik; ahli petrofizik; geomekanik; jurutera petroleum; ahli seismologi; ahli hidrogeologi, ahli geokimia, profesional perkhidmatan minyak dan gas; penggerudi dan krew gerudi; jurutera penyelesaian telaga; dan jurutera gerudi.

Cabarani Tenaga Kerja CCUS

Pelbagai peranan teknikal dan bukan teknikal diperlukan untuk CCUS. Dari segi teknikal, tenaga kerja minyak dan gas mempunyai banyak kemahiran asas untuk menjalankan operasi pengangkutan dan penyimpanan CO₂, dan industri pemprosesan kimia dan gas mempunyai pengalaman yang berkaitan dengan penangkapan CO₂. Seperti yang diterangkan dalam Bab 2: Apakah Penangkapan, Pengangkutan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon?, keperluan untuk CCUS melangkaui industri semasa. Oleh itu, adalah penting untuk memangkin industri CCUS yang mempunyai laluan tenaga kerja yang kukuh ke universiti, kolej komuniti, institut vokasional dan program latihan khusus.

Membina rangkaian yang kukuh juga penting untuk memastikan kerjasama merentas projek yang kompleks yang meliputi rantaian nilai CCUS.

Membangunkan Tenaga Kerja CCUS

Berikut secara ringkas menerangkan beberapa pendekatan untuk membangunkan kapasiti CCUS dan seterusnya tenaga kerja CCUS, termasuk meletakkan pembinaan kapasiti ke dalam jangkauan projek, membina rangkaian yang kukuh, menubuahkan pusat ujian dan latihan CCUS, dan menyokong penyelidikan akademik.

Menerapkan Pembinaan Kapasiti dalam Jangkauan Projek

Projek CCUS dunia sebenar boleh menyediakan titik fokus untuk pembinaan kapasiti. Perkongsian industri-kerajaan boleh menyokong pembangunan pengetahuan dan amalan melalui pelaksanaan projek CCUS, bermula dengan demonstrasi lapangan berskala kecil dan meningkatkan skala. Semua demonstrasi lapangan harus merangkumi aktiviti pendidikan dan jangkauan dan menjadi titik fokus untuk pembinaan kapasiti.

Membina Rangkaian yang Kukuh

Terdapat banyak aspek merentas rantaian nilai CCUS yang perlu disepadukan untuk pelaksanaan projek yang berjaya. Adalah penting untuk membina rangkaian kukuh yang menyokong kerjasama dan komunikasi merentas semua peranan yang diperlukan untuk projek CCUS secara khususnya dan industri secara amnya.

Menubuhkan Pusat Ujian dan Latihan CCUS

Pusat ujian teknologi menawarkan peluang untuk menguji dan memajukan teknologi CCUS (terutama untuk tangkapan) dengan menyediakan platform untuk ujian dan pembangunan yang menjimatkan kos, dan memangkinkan pengerahan berskala lebih besar. Penubuhan pusat-pusat ini juga membolehkan pembinaan kapasiti secara langsung dan latihan tenaga kerja masa hadapan dan menyediakan tempat untuk penglibatan antara pembangun teknologi dan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk industri, pembuat dasar, pengawal selia, pegawai kerajaan dan orang ramai. Antara contoh pusat latihan, seperti yang diterangkan di bawah, ialah Pusat Kecemerlangan Kebangsaan India dalam Penangkapan dan Penggunaan Karbon (NCoE-CCU).

Pusat Kecemerlangan Kebangsaan India dalam Penangkapan dan Penggunaan Karbon



Rajah 4.1: Perasmian NCoE-CCU. (Ihsan Vikram Vishal)

Pada tahun 2021, Kementerian Sains dan Teknologi Kerajaan India telah menubuhkan Pusat Kecemerlangan Kebangsaan (NCoE) yang pertama di Institut Teknologi India, Bombay. NCoE bertindak sebagai hab berbilang disiplin, penyelidikan jangka panjang, pembangunan reka bentuk, kerjasama dan pembinaan kapasiti untuk penyelidikan terkini dan inisiatif berorientasikan aplikasi dalam bidang penangkapan dan penggunaan karbon. NCoE diberi mandat untuk menentukan pencapaian dan menerajui inisiatif sains dan teknologi untuk inovasi CCUS berorientasikan industri di India sambil membangunkan kaedah baru untuk meningkatkan tahap kesediaan teknologi CCUS. NCoE sedang mengusahakan penukaran CO₂ yang ditangkap kepada bahan kimia, pengangkutan, pemampatan dan penggunaan CO₂, serta meningkatkan pemulihan minyak dan gas sebagai laluan faedah bersama. NCoE telah membangunkan kaedah baru, kos rendah yang mampan dan berskala untuk menangkap CO₂, antaranya menggunakan sistem tangkapan berasaskan air dan penukaran garam karbonat dan karbon monoksida. NCoE berfungsi sebagai penasihat dan rakan kongsi pengetahuan kepada pelbagai kementerian dalam kerajaan India sambil menyediakan akses kepada kemudahan R&D kepada pihak lain di dalam negara. NCoE menganjurkan program pembinaan kapasiti secara berkala, seperti kursus pendek untuk industri dan lain-lain.

Menyokong Penyelidikan Akademik

Walaupun industri CCUS masih di peringkat awal, sokongan kerajaan yang berterusan untuk penyelidikan CCUS sekolah siswazah adalah asas kepada pembinaan kapasiti CCUS dan

pembangunan tenaga kerja. Sebagai tambahan kepada sokongan yang disediakan oleh kerajaan untuk pembangunan tenaga kerja CCUS, persatuan-peratuan geosains dan kejuruteraan yang utama menjalankan aktiviti pembinaan kapasiti CCUS (seperti bengkel khas CCUS atau sesi teknikal pada mesyuarat antarabangsa utama). Lihat bahagian Libat Urus dalam Bab 9: Sumber Tambahan untuk maklumat lanjut.

Membangunkan Pengalaman Latihan Berfokus dan Rangkaian Kerjaya

Latihan dan pendidikan berfokus boleh menjadi cara terbaik untuk pembelajaran bersasar. Sekolah Musim Panas CCS Berbilang Disiplin Antarabangsa IEAGHG yang berjalan sejak tahun 2007 dengan lebih 700 alumni dari 60 buah negara, menyediakan saintis dan penyelidik muda yang mencari pemahaman yang lebih menyeluruh tentang CCS peluang pendidikan yang mendalam selama seminggu.¹ Kajian kes berikut menerangkan program pembinaan kapasiti antarabangsa untuk pelajar siswazah dan profesional di peringkat awal kerjaya di A.S.



Pengalaman Penyelidikan dalam Pengasingan Karbon (RECS): Model Pembinaan Kapasiti untuk Membangunkan Kepimpinan CCUS, Saluran Bakat dan Rangkaian Kerjaya



Rajah 4.2: Peserta RECS melawat Projek Citronelle di Alabama, Amerika Syarikat di mana CO₂ dari Loji Barry Alabama Power diangkut melalui saluran paip dan disuntik pada kedalaman 3-3.4km. (Ihsan Pamela Tomski)

Pada tahun 2004, Pejabat Tenaga Fosil dan Pengurusan Karbon Jabatan Tenaga A.S. memberikan sokongan untuk melancarkan program Pengalaman Penyelidikan dalam Pengasingan Karbon (RECS) dengan visi untuk membina tenaga kerja CCUS bertaraf dunia dan mewujudkan komuniti profesional muda untuk membantu memimpin industri CCUS yang baru muncul dan peralihan tenaga bersih.

RECS diiktiraf secara meluas sebagai pengalaman pendidikan dan latihan CCUS yang terulung, serta rangkaian kerjaya untuk pelajar siswazah dan profesional di peringkat kerjaya awal di A.S. RECS menawarkan program intensif tahunan selama 8 hari yang menggabungkan pengajaran bilik darjah, latihan kumpulan, lawatan tapak CCUS, latihan komunikasi dan aktiviti lapangan CCUS secara amali. Aktiviti ini merangkumi pelbagai topik, termasuk sains, teknologi, dasar, libat urus dan aspek perniagaan yang berkaitan dengan pengerahan CCUS. RECS juga menyediakan rangkaian, libat urus pihak berkepentingan dan peluang membina pasukan untuk meningkatkan kemahiran libat urus dan memupuk pengetahuan dan kerjasama antara disiplin.

Prinsip teras RECS adalah untuk memfokuskan aktiviti pembelajaran di tapak CCUS dan membina pemahaman tentang kitaran hayat projek dan pertimbangan pengerahan komersial. Peserta RECS memperoleh pengalaman amali yang tidak ternilai dan pendedahan kepada projek CCUS dunia sebenar, mengukuhkan pemahaman mereka tentang cabaran dan peluang dalam lapangan, dan melengkapkan peserta dengan kemahiran dan rangkaian yang diperlukan untuk mengemudi landskap CCUS yang kompleks dan memajukan pengerahan CCUS.

RECS ialah pemangkin untuk membina kepimpinan CCUS dan pertumbuhan profesional, dan alumni RECS berada di barisan hadapan dalam memajukan CCUS di A.S. dan di peringkat global. RECS memudahkan rangkaian dan kerjasama dalam kalangan lebih 700 alumni RECS yang terlibat secara aktif dalam semua aspek CCUS, daripada kerajaan dan industri kepada NGO dan penyelidikan akademik.

Alumni menyumbang kepada tenaga kerja CCUS melalui peranan yang berbeza, termasuk pengurusan projek, pelbagai peranan teknikal dan kejuruteraan, pembangunan perniagaan, dasar dan aspek kawal selia, dan memajukan inovasi dan keusahawanan melalui syarikat permulaan mereka sendiri.

RECS berfungsi sebagai model yang berjaya untuk dipertimbangkan oleh negara dan bidang kuasa lain. Program seperti RECS boleh memainkan peranan penting dalam membantu membina tenaga kerja CCUS yang mahir dan pelbagai, mencipta dan memupuk rangkaian CCUS yang berkesan, membina kapasiti dan membangunkan pemimpin CCUS yang akan memacu pengerahan dan mencipta masa depan yang mampan.

Penyelidikan, Pembangunan dan Pengerahan

Pelaburan dalam penyelidikan, pembangunan dan pengerahan (RD&D) secara langsung menyokong strategi penyahkarbonan, mengurangkan kos, meningkatkan kecekapan, mengurangkan risiko dan mengurangkan kesan alam sekitar untuk CCUS. Aktiviti RD&D juga boleh membantu mempercepatkan penyepadan komponen CCUS dan penting untuk pembinaan kapasiti.

Program RD&D harus memanfaatkan perkongsian awam-swasta untuk aktiviti pembangunan dan pengerahan selanjutnya. Perhatian tambahan diperlukan dalam bidang RD&D berikut untuk pembangunan komersial CCUS dengan penyelesaian

baharu yang berpatutan, boleh skala dan mampan. Cadangan untuk CCUS RD&D yang berkesan termasuk:

- **Teknologi Sokongan di Semua Peringkat Pembangunan.** Kejayaan komersial memerlukan teknologi bantuan melalui semua peringkat pembangunan dan membina setiap pengalaman ke arah projek dengan skala yang semakin besar dan lebih cekap. CCUS RD&D harus menyokong teknologi pendahulu kepada pendhulu yang berikutnya supaya sektor swasta boleh memanfaatkan pengurangan kos daripada pembelajaran berdasarkan pengalaman untuk menggunakan CCUS secara meluas pada skala komersial.
- **Meneruskan dan Mempertingkatkan Penyelidikan Peringkat Awal.** Bagi ekonomi sedang pesat membangun yang berminat untuk mempercepatkan penerimaan CCUS (seperti Vietnam, Thailand, Indonesia, Malaysia), penyelidikan yang menyokong kejayaan teknologi adalah penting untuk mengurangkan penguncian teknologi dan mewujudkan peluang baharu untuk pengerahan CCUS.
- **Meluaskan Skop dan Aplikasi Penyelidikan.** CCUS boleh digunakan dengan berkesan merentas pelbagai sumber CO₂ yang beza. RD&D tidak seharusnya terhad kepada satu topik sahaja tetapi sebaliknya perlu merangkumi rangkaian penuh aplikasi yang berpotensi untuk menggalakkan penggunaan teknologi secara meluas dan integrasi dengan aktiviti ekonomi yang lebih menyeluruh. Bagi ekonomi sedang pesat membangun yang lebih menumpukan pada satu bahagian rantai nilai CCUS, usaha RD&D tentang topik tersebut mungkin lebih realistik.
 - **RD&D untuk Tangkapan Karbon.** Penyelidikan tangkapan yang diperluaskan adalah penting untuk mengurangkan kos dan meningkatkan prestasi kerana tangkapan karbon digunakan untuk penjanaan kuasa fosil dan industri pembuatan. Walaupun teknologi tangkapan generasi

pertama tersedia secara meluas dan komersial, RD&D boleh mengoptimumkan dan menurunkan kos teknologi komersial sedia ada, dan membantu membangunkan teknologi generasi kedua dengan prestasi ekonomi dan teknikal yang lebih baik.

- **RD&D untuk Laluan Penggunaan.** Walaupun pemulihan minyak yang dipertingkatkan (EOR) kekal sebagai pilihan yang berdaya maju dan ekonomik untuk penyimpanan CO₂ jangka panjang, kebanyakannya sumber pelepasan CO₂ yang besar tidak terletak berhampiran medan EOR yang sesuai. Hasil EOR juga sangat bergantung pada harga minyak dan mungkin tertakluk kepada penurunan apabila dunia beralih kepada sumber tenaga lain. Atas sebab ini, RD&D dalam pilihan penyimpanan dan penggunaan bukan EOR adalah penting untuk membangunkan pasaran dan peluang penggunaan CO₂ baru. Peluang RD&D selanjutnya wujud untuk penggunaan dan penggunaan semula karon dengan penyelidikan yang disokong makmal yang menyediakan mekanisme teknologi untuk menggunakan CO₂, dan berpotensi untuk memberikan manfaat ekonomi dengan mencipta produk eksport baru.
- **RD&D untuk Pengangkutan.** Pengangkutan CO₂ adalah aktiviti yang agak matang tetapi ia masih boleh mendapat manfaat daripada pelaksanaan aktiviti RD&D. Aktiviti RD&D boleh menumpukan pada meningkatkan keselamatan, mengurangkan kos, menemui laluan baru dan mengoptimumkan mod. Penyelidikan bahan baru juga merupakan satu bidang peluang yang boleh membawa kepada pengurangan kos yang ketara dan peningkatan keselamatan pengangkutan.
- **RD&D untuk Penyimpanan.** Menjalankan suntikan CO₂ di bawah permukaan memerlukan pemahaman yang

mendalam tentang proses penyimpanan dan keadaan geologi tempatan. Kemajuan dalam bidang penyelidikan diperlukan untuk menambah baik teknik pencirian tapak komersial, alat pengiraan termaju untuk mengendalikan volum data yang besar dan sistem pemantauan yang lebih baik.

- **RD&D untuk Isu Saling Bersilang.** Perbelanjaan RD&D dalam sains asas boleh memangkin inovasi dan kejayaan teknologi CCUS. Sokongan untuk analisis pasaran dan bersepadu boleh membantu negara memahami cara CCUS dan strategi lain boleh menyumbang kepada matlamat penyahkarbonan dan menentukan laluan penyelesaian yang cekap kos.

Kajian kes berikut untuk Pusat Tangkapan Karbon Nasional (NCCC) di Amerika Syarikat dan Pusat Ujian Mongstad (TCM) di Norway menunjukkan nilai pusat penyelidikan/ujian dalam membangunkan teknologi CCUS.



Pusat Tangkapan Karbon Nasional (NCCC) di Alabama



Rajah 4.3: Pusat Tangkapan Karbon Nasional
(Ihsan Southern Company)

Jabatan Tenaga A.S./Makmal Teknologi Tenaga Negara (NETL) dan Southern Company mengendalikan NCCC, kemudahan penyelidikan neutral yang bekerja untuk memajukan teknologi bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau daripada loji janakuasa berasaskan fosil dan proses perindustrian, dan untuk menggalakkan penukaran karbon dan inovasi penyingkiran karbon, seperti tangkapan udara langsung (DAC).

Terletak di Wilsonville, Alabama, Pusat ini menawarkan kemudahan ujian yang unik untuk penilaian pihak ketiga bagi tangkapan CO₂, penukaran CO₂ dan teknologi DAC yang kos efektif – merapatkan jurang antara penyelidikan makmal dan demonstrasi dan penggunaan berskala besar. Pada tahun 2023 sahaja, lebih daripada 50 buah organisasi berkepentingan telah melawat and melihat kemudahan NCCC.

NCCC menawarkan faedah kepada pembangun teknologi dengan menyediakan peluang ujian kepada mereka dalam keadaan operasi dunia sebenar tapak perindustrian. Langkah itu mempercepatkan pengkomersilan proses tangkapan dan penukaran karbon kos rendah, serta teknologi DAC yang baru muncul. Melalui ujian terhadap lebih daripada 75 teknologi untuk penginovasi di A.S. dan enam buah negara lain, Pusat ini telah mengambil bahagian secara langsung dalam pengurangan kos unjuran penangkapan CO₂ daripada penjanaan fosil sebanyak lebih 40 peratus. NCCC menyokong penilaian teknologi canggih daripada pembangun domestik dan antarabangsa. Penilaian ini penting dalam mengenal pasti dan menyelesaikan isu alam sekitar, kesihatan dan keselamatan, operasi, komponen dan pembangunan sistem, serta mencapai pengembangan skala dan peningkatan proses dengan kerjasama pembangun teknologi. Projek tajaan DOE, serta projek daripada industri, universiti dan institusi kerjasama lain, menyediakan spektrum penuh teknologi untuk ujian di Pusat ini.

Data prestasi yang dijana dalam ujian di NCCC telah mengesahkan data makmal, membolehkan peningkatan kejuruteraan, seterusnya memacu kejayaan dalam penyelesaian pengurusan karbon. NCCC juga menawarkan bantuan dalam mencari rakan kongsi domestik dan antarabangsa untuk penambahan skala. Operasi NCCC telah menyediakan lebih daripada 150,000 jam ujian enzim, membran, penjerap, pelarut, hibrid dan sistem yang berkaitan untuk penangkapan karbon pasca pembakaran, serta teknologi penukaran CO₂ dan teknologi DAC.

NCCC setakat ini telah menyelesaikan tiga ujian penukaran karbon, termasuk demonstrasi proses termokimia Southern Research untuk menghasilkan etilena dengan menggunakan CO₂ daripada gas serombong arang batu dan etana, dan demonstrasi proses mineralisasi CO₂ CarbonBuilt Reversa™, yang menggunakan CO₂ dalam gas serombong dan sisa pembakaran arang batu untuk menghasilkan konkrit karbon rendah. Di samping itu, NCCC pada tahun 2023 telah menyelesaikan ujian dengan Helios-NRG LLC untuk teknologi penukaran alga pertama – sebuah sistem berdasarkan alga berterusan berbilang peringkat yang baru untuk menangkap CO₂ daripada gas serombong loji janakuasa. Pada tahun 2023, NCCC juga telah menyelesaikan ujian DAC pertamanya di tapak, dengan kerjasama Lembaga Tenaga Negeri-negeri Selatan dan Aircapture, dan sedang menjalankan ujian tambahan.



Pusat Teknologi CO₂, Mongstad (TCM) Norway



Rajah 4.4: Pusat Teknologi CO₂ Mongstad, Norway.
(Ihsan Pusat Teknologi Mongstad, tcmda.com)

TCM dimiliki bersama oleh Kerajaan dan industri Norway (Equinor, Shell dan TotalEnergies). Sejak tahun 2012 ia telah tersedia untuk penyelidik nasional dan antarabangsa serta para pembangun teknologi yang ingin menguji dan mengesahkan teknologi tangkapan CO₂, ujian komponen dan penyelesaian masalah. TCM juga menawarkan khidmat nasihat tentang penangkapan dan memberi nasihat tentang aspek seperti degradasi pelarut, kakisan, isu pelepasan dan pengendalian sisa, semuanya merupakan aspek penting dalam proses penangkapan.

Salah satu sumbangan terpenting pusat ujian seperti TCM ialah menguji dan mengesahkan teknologi sebelum ia dikomersialkan. Sehingga kini, sebanyak 23 kempen ujian telah dijalankan di TCM. Sebagai contoh, teknologi tangkapan yang digunakan untuk projek demonstrasi Norway Longship telah diuji buat pertama kali di TCM.²

Manfaat TCM dan pusat-pusat ujian lain yang sering dipandang remeh ialah kesan pembinaan kapasiti berikutan kewujudan dan operasi kemudahan tersebut. TCM telah menghasilkan sejumlah besar penerbitan dan laporan yang tersedia untuk umum yang memberi manfaat kepada industri, pengawal selia dan ahli akademik.³ TCM menyediakan peluang yang luas untuk membina kapasiti bagi para penyelidik di Norway dan luar negara. Terdapat perjanjian yang memastikan kerjasama dengan institut penyelidikan, melalui perkongsian maklumat,⁴ dan membolehkan penyelidik menguji teknologi di pusat ujian.⁵ TCM seterusnya telah memulakan dan mengambil bahagian dalam Rangkaian Pusat Ujian Antarabangsa, yang bertujuan untuk berkongsi pengetahuan penting dalam memperhalusi dan mengkomersialkan CCS secara global.⁶ Para anggota ujian dalam rangkaian ini datangnya dari negara China, Jepun dan Korea Selatan,⁷ seterusnya membolehkan rantau Asia mendapat manfaat daripada operasi TCM selama lebih 10 tahun, serta pengetahuan dan kepakaran daripada pusat ujian lain dari Eropah, A.S., Kanada dan Australia.

Pembuat Dasar dan Pengawal Selia

Sumber yang diterangkan di atas bukan sahaja terhad untuk digunakan secara domestik, tetapi juga boleh digunakan untuk membina kepakaran yang berkaitan dalam kerajaan (seperti dengan pembuat dasar dan pengawal selia). Inisiatif pertukaran dua hala dan pelbagai hala wujud di seluruh A.S. dan kerajaan lain yang menyediakan peluang untuk bantuan teknikal dan kerjasama.

Perkongsian pengetahuan merentas penggerak awal bukan sahaja penting untuk perkembangan teknikal CCUS tetapi juga untuk membangunkan rangka kerja undang-undang dan kawal selia, seperti yang diterangkan dalam Bab 5: Pelan Hala Tuju untuk Membangunkan Rangka Kerja Perundangan dan Kawal Selia.

5. Pelan Hala Tuju untuk Membangunkan Rangka Kerja Perundangan dan Kawal Selia

Ringkasan Penting

- Untuk membina industri CCUS yang berkembang maju dan selamat, negara perlu membangunkan rangka kerja. Rangka kerja CCUS terdiri daripada dasar, undang-undang, akta, peraturan dan instrumen berkaitan yang menetapkan syarat untuk para peserta utama membina projek CCUS.
- Untuk mencipta rangka kerja yang berjaya, Buku Panduan ini mencadangkan proses enam langkah, bermula dengan menilai dasar sedia ada negara bagi mewujudkan dasar (atau strategi) negara untuk CCUS.
- Langkah keempat dalam proses enam langkah ini ialah mencipta rangka kerja. Negara boleh memutuskan sama ada mereka mahu menerima pakai semua perundangan baharu untuk mewujudkan rangka kerja CCUS yang berdiri sendiri; atau untuk menyesuaikan perundangan sedia ada kepada rangka kerja yang ada (seperti minyak dan gas). Negara juga boleh memanfaatkan piawaian dan sumber luaran atau sebaliknya. Tidak ada satu cara yang "betul".
- Walaupun tiada satu cara yang betul, rangka kerja CCUS yang berjaya perlu menangani semua bahagian CCUS untuk memastikan aktiviti kawal selia oleh peserta kerajaan yang berbeza diselaraskan.
- Jepun dan Norway menyediakan contoh bagaimana projek CCUS boleh diteruskan walaupun tanpa rangka kerja CCUS yang dibangunkan sepenuhnya.

Pengenalan

Rangka kerja CCUS ialah satu set dasar, undang-undang, akta, peraturan dan set instrumen undang-undang yang menyediakan struktur untuk menyokong pembangunan industri CCUS dan perlindungan alam sekitar. Rangka kerja diperlukan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta untuk membantu memastikan

kebolehramalan, kebolehkendalian, akauntabiliti, ketelusan dan kebolehpasaran projek CCUS.

Pelan Hala Tuju untuk Membangunkan Rangka Kerja

Terdapat banyak cara untuk mewujudkan rangka kerja CCUS. Satu pendekatan boleh merangkumi gabungan enam langkah berikut seperti yang digambarkan di bawah:¹ Menilai dan menyemak dasar atau strategi negara; mengenal pasti jurang dan halangan dalam rangka kerja sedia ada; memetakan rangka kerja yang berkaitan dan amalan terbaik menggunakan sumber yang ada; membangunkan rangka kerja yang sesuai untuk tujuan; mendorong undang-undang dan peraturan; dan melaksanakan rangka kerja.



Langkah 1: Dasar/Strategi Negara



Adalah penting untuk CCUS dimasukkan ke dalam dokumen dasar dan strategi negara. Ini menetapkan hala tuju untuk pembangunan rangka kerja CCUS. Selain itu, di kebanyakan negara, kelulusan kerajaan diperlukan sebelum

undang-undang boleh dibuat dan digubal. Oleh itu, dasar peringkat kebangsaan (atau ‘dokumen strategi’) yang merangkumi CCUS dan mengenal pasti kementerian/agensi utama adalah penting untuk menyokong perkembangan undang-undang dan kawal selia. Strategi libat urus pihak berkepentingan adalah disyorkan untuk membangunkan dan berkongsi dasar atau strategi.

Langkah pertama dalam mewujudkan rangka kerja CCUS adalah untuk menilai dasar dan strategi negara yang sedia ada untuk menentukan sama ada CCUS disertakan atau tidak. Oleh kerana CCUS ialah teknologi pengurangan iklim, ia mungkin disertakan sebagai sebahagian daripada strategi pengurangan pelepasan sebagai sebahagian daripada matlamat iklim negara. Sebagai contoh, Kerajaan Malaysia telah mengenal pasti CCUS sebagai inisiatif penting dalam Penggerak Peralihan Tenaga negara.² Di India, NITI Aayog, badan pemikir dasar Kerajaan India, telah mengeluarkan laporan strategik yang menggariskan campur tangan dasar peringkat umum yang diperlukan merentas pelbagai sektor untuk penggunaan CCUS.³

Apabila membangunkan dasar/strategi negara, antara pertimbangan termasuk mengenal pasti industri yang berkaitan, menentukan peranan Negara, menangani pemilikan/liabiliti/akses, mengumpul sumber dan menentukan pilihan kewangan.

- **Industri yang Berkaitan.** Tenaga, minyak dan gas, pengeluar kimia, simen, dan pengeluar keluli. Pendekatan berperingkat ke arah pembangunan rangka kerja selalunya boleh membantu memfokuskan usaha dan mempercepatkan garis masa untuk kemudiannya meningkat skala undang-undang/peraturan industri yang agnostik.
- **Peranan Negara.** Untuk mengawal selia atau mewakilkan kuasa kepada kerajaan sub-nasional.
- **Pemilikan, Liabiliti, Akses.** Untuk pengangkutan dan penyimpanan, termasuk peranan kontrak swasta. Menimbang

sama ada Negara akan memikul tanggungjawab pengawasan penyimpanan jangka panjang dan bagaimana hak dan akses tanah (permukaan/bawah permukaan) akan ditentukan.


- **Sumber.** Domestik dan antarabangsa. Bab 6: Sumber dan Tanggungjawab untuk Rangka Kerja membincangkan perkara ini dengan lebih terperinci.
- **Insentif/Mandat Kewangan.** Untuk membantu merangsang penggunaan CCUS. Bab 7 membincangkan perkara ini dengan lebih terperinci.



Penangkapan



Pengangkutan



Penyimpanan

Rangka Kerja
Minyak dan Gas/
Industri

Hak Laluhan

Undang-undang Perolehan Minyak
dan Gas Tertingkat

Kawalan Suntikan Bawah Tanah

Hak Pembangunan dan Keutamaan

Menutup dan Meninggalkan Infrastruktur

Keselamatan dan
Pengurusan Sisa

Peraturan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

Klasifikasi Sisa Berbahaya

Rangka Kerja
Perlindungan Alam
Sekitar

Keperluan Kawalan Pencemaran

Perlindungan Air dan Air Tanah

Penilaian Kesan Alam Sekitar dan Permit

Proses Perundingan Awam

Peraturan Maritim

Peraturan Rel

Keperluan Akses Terbuka Saluran Paip

Rajah 5.2: Contoh peraturan sedia ada yang mungkin berkaitan untuk aktiviti CCUS. (Disesuaikan dan dikembangkan daripada IEA 2022: Buku Panduan Undang-undang dan Kawal Selia CCUS, hlm.24)

Langkah 2: Jurang dan Halangan



Langkah 2 melibatkan pelaksanaan analisis jurang dan halangan bagi instrumen perundangan dan kawal selia berkaitan CCUS sedia ada untuk menentukan sama ada rangka kerja sedia ada (seperti yang digunakan untuk CO₂ EOR) boleh digunakan semula untuk menyokong aktiviti CCUS atau sama ada rangka kerja kawal selia baharu diperlukan. Kajian Bank Dunia mendapati bahawa banyak negara sudah memiliki sejumlah besar instrumen undang-undang yang diperlukan untuk menyokong rangka kerja CCUS seperti Penilaian Kesan Alam Sekitar, klasifikasi undang-undang untuk CO₂, kriteria kebenaran untuk saluran paip, pelepasan dan pengendalian sisa, dsb.⁴

Instrumen ini berkemungkinan terdiri daripada bahagian rangka kerja CCUS. Sebagai contoh, Kerajaan Norway mendapati Akta dan Peraturan Petroleum yang sedia ada cukup fleksibel untuk menggabungkan penangkapan, pengangkutan dan penyimpanan CO₂ daripada pengeluaran gas asli di luar pesisir tanpa sebarang pindaan. Di Jepun, pengawal selia negara mendapati bahawa beberapa jurang dalam rangka kerja boleh ditangani untuk menampung aktiviti baharu. Angka sebelumnya (Rajah 5.2) menggambarkan contoh peraturan yang mungkin berkaitan dengan rangka kerja CCUS.

Langkah 3: Sumber untuk Membangunkan Rangka Kerja



Langkah 3 melibatkan pemetaan rangka kerja perundangan/kawal selia yang berkaitan dan mengenal pasti amalan terbaik. Beberapa sumber yang tersedia secara umum boleh digunakan semasa pelaksanaan pemetaan, seperti yang

diterangkan dalam Bab 6: Sumber dan Tanggungjawab untuk Rangka Kerja.

Langkah 4: Menyediakan Rangka Kerja Sesuai Untuk Tujuan

